



2010

LAPORAN TAHUNAN

Memperkasakan Pengajar Kemahiran Malaysia






Prakata Ketua Pengarah JPK	6
Perutusan Pengarah CIAST	8
Maklumat CIAST	11
• Visi, Misi dan Objektif CIAST	11
• Fungsi Program dan Bahagian	12
• Pengurusan Atasan CIAST Tahun 2010	15
• Carta Organisasi CIAST	16
Transformasi CIAST	17
Peranan CIAST Dalam RMKe-10	25
Pencapaian CIAST	28
• Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Panjang (Pra-Perkhidmatan)	29
• Pelaksanaan Latihan Kemahiran Jangka Pendek (Dalam Perkhidmatan)	31
• Pewujudan Kursus Baru	33
• Pembangunan Kurikulum	38
• Program Kerjasama Dengan Agensi Luar	39
• Penganjuran Pertandingan Kemahiran	46
• Penganjuran Latihan Antarabangsa	52
• Majlis Konvokesyen CIAST	58
• Program Kelayakan Kekompetenan Tenaga Pengajar	60
• Pembangunan Kakitangan	65
Penyertaan Dalam Pertandingan Peringkat Negeri/ Kebangsaan/ Antarabangsa	67
• Pertandingan Kemahiran Malaysia Kali Ke-19	68
• Pertandingan Kemahiran ASEAN Kali Kelapan	68
• Pertandingan ROBOCON 2010	70
• Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) Peringkat Negeri Selangor	71
Laporan Jawatankuasa Kerja	72
• Jawatankuasa Pasukan Pengurusan Kualiti	73
• Jawatankuasa <i>Community And Employment Support Services</i> (CESS)	74
• Jawatankuasa Pemandu Inovasi	76
• Jawatankuasa Pengurusan Aduan Pelanggan	76
• Jawatankuasa Promosi	77
• Jawatankuasa Kemudahan dan Hospitaliti	78
• Unit Pertolongan Cemas Bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) CIAST	79
Bahagian Khidmat Pengurusan	83
Laporan Makmal dan Kajian/ Kaji Selidik	94
Penerbitan CIAST	107
Aktiviti Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	110
Aktiviti Kelab Kakitangan CIAST	113
Diari 2010	119
Sidang Redaksi CIAST	127

Kandungan





Prakata

**KETUA PENGARAH JPK &
PENGARAH CIAST**

Prakata

Ketua Pengarah

Jabatan Pembangunan Kemahiran



Dr. Pang Chau Leong

Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran

“Pada tahun 2010, CIIAST juga turut berjaya menjana keluaran kursus-kursus jangka panjang dan jangka pendek meskipun terlibat dengan projek naik taraf kompleks CIIAST...”

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIIAST) yang telah berusaha bersungguh-sungguh menerbitkan Laporan Tahunan 2010 ini. Laporan yang diterbitkan ini memaparkan prestasi dan pencapaian aktiviti CIIAST yang berjaya digembleng sepanjang tahun 2010 sama ada di peringkat Jabatan mahupun di peringkat Kebangsaan dan Dunia.

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) amat berbangga dengan pencapaian CIIAST terutama kejayaan menyiapkan projek naik taraf yang menelan belanja hampir RM30 juta menerusi usaha gigih peringkat pengurusan atasan CIIAST dengan kerjasama warganya. Pada tahun 2010, CIIAST juga turut berjaya menjana keluaran kursus-kursus jangka panjang dan jangka pendek untuk keperluan pusat bertauliah awam, swasta dan pihak industri meskipun terlibat dengan projek naik taraf CIIAST. Ini menunjukkan CIIAST mampu mengekalkan fungsi sebagai penyedia latihan terunggul dalam bidang Training of Trainers di samping memperkasa tenaga pengajar kemahiran.

Tahun 2010 merupakan tahun terakhir di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9). CIIAST sebagai satu-satunya institusi latihan di bawah JPK telah banyak memberi sumbangan secara langsung mahupun tidak langsung bagi merealisasikan agenda negara dalam mengurus perdana dan memartabatkan latihan kemahiran.

Oleh itu, adalah menjadi harapan saya agar CIIAST dapat terus memberi perkhidmatan cemerlang dan memainkan peranan penting dalam membantu JPK sebagai agensi tunggal dalam pembangunan dan pengesahan kualiti kurikulum pendidikan teknik dan vokasional di samping menyelaras program latihan di institusi latihan kemahiran awam dan swasta.

Semoga Laporan Tahunan 2010 ini dapat memperjelaskan usaha pemerkasaan tenaga pengajar kemahiran di negara ini di dalam membantu negara mencapai agenda pembangunan selaras dengan keperluan semasa dan akan datang. Sekali lagi syabas diucapkan kepada CIIAST di atas kejayaan menerbitkan Laporan Tahunan 2010.

Sekian, terima kasih.

Perutusan Pengarah CIIAST



Ghazlan bin Ghazali

Pengarah Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST)

“CIAST telah memberi sumbangan yang berkesan dengan melahirkan tenaga pengajar yang diperlukan bagi merealisasikan agenda negara...”

Syukur alhamdulillah dipanjatkan kepada Allah SWT di atas limpah dan kurniaNya, CIAST telah berjaya melaksanakan tanggungjawabnya dalam memartabat dan memperkasakan pengajar kemahiran negara. Pada tahun 2010, tahun terakhir tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), CIAST telah memberi sumbangan yang berkesan dengan melahirkan tenaga pengajar yang diperlukan bagi merealisasikan agenda negara untuk mengarusperdanakan latihan kemahiran dan teknikal ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi seperti yang digariskan dalam RMKe-10.


Pada tahun ini, kerja naik taraf kompleks CIAST telah siap sepenuhnya dan dengan itu kemampuan CIAST untuk menjana lebih ramai tenaga pengajar terlatih telah dapat ditingkatkan bagi memenuhi keperluan institusi latihan kemahiran awam dan swasta. Pelbagai kemudahan dan prasarana latihan telah dinaiktaraf dalam usaha untuk memastikan pelanggan CIAST berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan.

Pada keseluruhannya, CIAST telah berjaya melatih seramai 10,236 peserta yang terdiri daripada seramai 543 pelajar bagi kursus pra-perkhidmatan jangka panjang dan 9,693 peserta bagi kursus dalam perkhidmatan jangka pendek. Pencapaian ini walaupun tidak mengatasi keluaran pada tahun 2009 tetapi ia tetap menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan lantaran kekangan projek naik taraf.

Pencapaian lain turut diraih sepanjang tahun 2010 dengan kejayaan menganjurkan program dan aktiviti di peringkat Antarabangsa dan Kebangsaan seperti program latihan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia (MTCP) dan Program Latihan Negara Ketiga (TCTP); Pertandingan Kemahiran Malaysia dan Pertandingan MySkills/MySkills ASEAN; Program Kolaborasi HRD ASEAN-Jepun bagi negara CLMV; Persidangan Ketua Eksekutif Pusat Bertauliah; Seminar Tenaga Pengajar Pusat Bertauliah; Seminar Technology Update dan sebagainya.

Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa komitmen dan kerjasama warga CIAST yang sentiasa mendahului kepentingan organisasi daripada kepentingan peribadi. Jutaan terima kasih kepada mereka yang telah bekerja bersungguh-sungguh dan bertungkus lumus bagi memastikan prestasi CIAST berada pada tahap yang lebih tinggi dan cemerlang berbanding tahun-tahun sebelumnya. Akhir kata, sekali lagi diucapkan syabas dan tahniah kepada warga CIAST. Semoga CIAST akan sentiasa bergerak ke hadapan.

Sekian, terima kasih.



Maklumat **CIAS**

MAKLUMAT CIAST

CIAST telah mula beroperasi pada tahun 1983 dengan bantuan kewangan daripada Kerajaan Jepun di bawah Projek Pembangunan Sumber Manusia ASEAN dan dikawal selia oleh pakar teknikal dan pengurusan dari Jepun menerusi Japan International Cooperation Agency (JICA) sehingga tahun 1991. CIAST beroperasi sepenuhnya di bawah Jabatan Tenaga Manusia (JTM), Kementerian Sumber Manusia (KSM) bermula pada 1991 sehingga Mei 2007 sebelum dipindahkan pengurusannya di bawah Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) di kementerian yang sama pada Jun 2007.

CIAST menawarkan kursus latihan pengajar, latihan penyelia, latihan kemahiran lanjutan untuk pengajar kemahiran, penyelia dan *coach* industri serta pekerja mahir dari sektor awam dan swasta sehingga ke tahap antarabangsa. Latihan yang dijalankan di CIAST dikendalikan oleh pengajar berpengalaman dalam pelbagai bidang kemahiran.

Visi

Organisasi peneraju dalam membangun dan memperkasakan pengajar bertaraf dunia dalam bidang kemahiran.

Misi

Membangunkan pengajar bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi.

Objektif

- Melahirkan tenaga pengajar bagi memenuhi keperluan institusi latihan kemahiran negara.
- Meningkatkan tenaga pengajar secara berterusan dalam bidang kemahiran dan metodologi latihan . mengikut perkembangan teknologi.
- Mewujud dan melaksanakan sistem kelayakan dan pelesenan tenaga pengajar.
- Memperkayakan kurikulum latihan kemahiran.
- Memperkukuhkan hubungan dan latihan antarabangsa.
- Memantapkan prasarana teknologi maklumat dan komunikasi serta sistem pembelajaran elektronik dan multimedia.
- Menyediakan persekitaran dan kemudahan latihan yang kondusif dan relevan.
- Memupuk nilai-nilai murni, sikap yang positif dan budaya kerja yang sihat kepada tenaga pengajar.

Fungsi Program dan Bahagian

Program / Bahagian	Fungsi
Bahagian Khidmat Pengurusan	Unit Pentadbiran dan Sumber Manusia • Menguruskan perkara-perkara yang berkaitan dengan pentadbiran dan personel termasuk pusat sumber dan asrama • Menyelenggara sistem fail dan dokumen Unit Kewangan • Pengurusan kewangan CIAST secara keseluruhan • Menyediakan anggaran belanjawan mengurus dan pembangunan tahunan dan laporan perbelanjaan setiap bulan • Mengawal perbelanjaan peruntukan, menyelenggara akaun dan rekod kewangan Unit Penyelenggaraan • Penyelenggaraan kemudahan dan inventori CIAST • Melaksana dan memantau kerja-kerja penyelenggaraan/pembaikan (preventive) peralatan latihan • Melaksana dan memantau kerja-kerja pembaikan fizikal dan infrastruktur seluruh CIAST
Program Kelayakan Kekompetenan	Unit Pembangunan Penilaian Kemahiran • Merancang dan mengurus pembangunan sistem kelayakan • Mengurus bank soalan, penggubal soalan, pengawas dan pemeriksa soalan • Mewujud sistem pangkalan data tenaga pengajar Unit Pelaksanaan Kelayakan Kekompetenan • Mengendali, memproses dan memantau permohonan lesen kelayakan kekompetenan Unit Kawalan Pengajar Kemahiran • Mengawal dan memantau kualiti kekompetenan tenaga pengajar • Meningkatkan dan memperkukuhkan sistem kelayakan melalui promosi, taklimat dan pameran Unit Pelesenan • Mengendalikan sistem pelesenan melalui percetakan, pengeluaran, pembaharuan dan pembatalan lesen tenaga pengajar
Program Pembangunan Profesional Kemahiran	Unit Peningkatan Pengajar dan Penyelia • Melaksana kursus peningkatan kemahiran kepada pengajar Institusi Latihan Kemahiran Awam (ILKA) dan Institusi Latihan Kemahiran Swasta (ILKS) serta penyelia industri secara kursus jangka pendek Unit Latihan dan Konsultasi Kurikulum Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) • Melaksana kursus peningkatan kemahiran kepada <i>coaches</i> industri, <i>master trainer</i> dan <i>dual system expert</i> untuk program SLDN Unit Latihan Antarabangsa • Melaksana Malaysian Technical Cooperation Program (MTCP) dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (EPU)


Program / Bahagian	Fungsi
Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia	Unit Perancang dan Pembangunan - Mengkaji keperluan pembangunan e-training berdasarkan teknologi, keperluan industri dan trend pembelajaran paling efektif Unit Infrastruktur - Menjaga, mengurus dan memantau perjalanan aplikasi sistem e-training dan pengkomputeran Unit E-Training - Melaksana kursus/latihan e-training melalui kursus-kursus pembangunan jangka pendek
Program Pembangunan Pengajar Kemahiran	Unit Pembangunan Pengajar Baru - Melaksana pengambilan dan keluaran kursus Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Sijil Kemahiran Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKMT3+VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO) - Melaksana Program Latihan Kerjasama dengan lain-lain Pusat Bertauliah bagi kursus Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV) - Melaksana kurikulum latihan kemahiran dan pentauihan sistem persijilan SKM - Melaksanakan program “Train of Trainers” untuk meningkatkan kemahiran pengajar ILKA - Melaksanakan program pemantapan pengajar lantikan baru Gred J41 - Melaksanakan kursus customised dan modular untuk peserta dari industri atau agensi awam Unit Peningkatan Kemahiran Teknikal Pengajar - Melaksana kursus Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Sijil Kemahiran Tahap 3, kursus customised dan modular - Melaksana kursus Sijil Pengajar Vokasional (VTO) - Melaksana kursus “Train of Trainers” untuk meningkatkan kemahiran pengajar ILKA - Melaksanakan kursus pemantapan pengajar lantikan baru Gred J41 - Membantu pelaksanaan Pertandingan MySkills dan Pertandingan Kemahiran Malaysia - Menyertai Kumpulan Inovasi dan Kreativiti Program Peningkatan Kemahiran


Program / Bahagian	Fungsi
Program Perancangan dan Pembangunan Latihan	Unit Pembangunan Manual Latihan • Merancang, mengkaji dan membangunkan Course of Study/Learning Guide (CoS/LG) dan Learn Work Assignment (LWA) bagi panel pembangunan kurikulum berdasarkan National Occupational Skill Standard (NOSS) Unit Pembangunan Bahan Pembelajaran Latihan • Merancang, mengkaji dan membangun Written Instructional Materials (WIM) dan alat bantuan mengajar berdasarkan kepada manual latihan Unit Perancangan dan Pembangunan Latihan • Merancang dan melaksanakan pembangunan mesin, peralatan dan kemudahan latihan mengikut keperluan semasa dan masa depan • Merancang dan mengurus permohonan pembelian/pembaikan peralatan mesin dan bahan guna habis untuk kegunaan latihan • Merancang kursus-kursus baru, keperluan pensyarah dan mesin mengikut keperluan semasa dan masa depan Unit Perancangan dan Pembangunan Latihan Antarabangsa • Menjalankan penyelidikan, merancang program latihan antarabangsa dan menjalin hubungan antarabangsa bagi pembangunan latihan kemahiran • Mengurus pengambilan dan keluaran peserta antarabangsa Unit Pembangunan Tenaga Pakar Negara • Merancang dan mengenal pasti keperluan khidmat pakar dalam dan luar negara melalui kajian dan penyelidikan Unit Keurusetiaan dan Penyelarasan • Menyedia laporan dan menyelaraskan statistik berkaitan bilangan kursus, peserta dan sebagainya dari masa ke semasa

Pengurusan Atasan CIAST



Carta Organisasi CIAST





Transformasi **CIAS**



TRANSFORMASI CIAST

Pada tahun 2010, CIAST telah meneruskan proses transformasi dengan melaksanakan strategi pembangunan infrastruktur, peralatan dan kemudahan latihan. Dengan perkembangan ini, tentunya CIAST akan berada di barisan hadapan dalam memberikan kemudahan fasiliti terbaik dalam segala aspek kepada semua pelanggannya, sesuai dengan tema CIAST menjadi peneraju utama dalam Mengarusperdanakan Latihan Kemahiran dan Memperkasakan Pengajar Kemahiran Malaysia.



ANTARA GAMBAR-GAMBAR NAIKTARAF CIAST

Sebelum

Selepas



Bangunan Pentadbiran CIAST



Lobi CIAST

Sebelum

Selepas



Bangunan VTRD dijenamakan semula kepada Blok C



Auditorium CIAST



Kafetaria CIAST



Blok Asrama CIAST

Sebelum

Selepas



Surau CIAS



Asrama CIAS



Bengkel Mekatronik



Pondok Pengawal Keselamatan

Sebelum



Selepas



Dewan Besar CIAST

Ruangan Pejabat dan Asrama Selepas Naik Taraf



Pejabat Pengarah CIAST



Makmal Mekatronik



Pandangan Luar Bangunan Pentadbiran



Kafetaria CIAST



Lobi CIAST



Ruangan Dalam Asrama

MAJLIS PENYERAHAN PROJEK NAIK TARAF CIAST


Majlis penyerahan projek naik taraf CIAST oleh DTP Development Sdn. Bhd kepada CIAST telah diadakan pada 20 Oktober 2010 dan disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd. Sharif bin Hussin, Timbalan Ketua Setiausaha (TKSU), Kementerian Sumber Manusia (KSM) bertempat di surau CIAST. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST, pegawai dari KSM, pegawai dari JPK dan pegawai CIAST.



*Penyerahan projek naik taraf daripada
DTP Development Sdn. Bhd. Kepada TKSU KSM*



Sekitar majlis penyerahan



Peranan

CIAST DALAM RMKe-10

PERANAN CIAST DAN JPK DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE-10 (RMKe-10)

Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) telah dibentangkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak di Dewan Rakyat pada 10 Jun 2010 yang menggariskan program pembangunan lima tahun negara sehingga 2015. RMKe-10 yang bertemakan "Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial" memperuntukkan RM230 bilion bagi perbelanjaan pembangunan bagi tempoh lima tahun tersebut. Daripada jumlah itu, 55 peratus diagihkan kepada sektor ekonomi, 30 peratus kepada sektor sosial, 10 peratus kepada sektor keselamatan dan lima peratus untuk pentadbiran am.

Lima teras strategik pertama RMKe-10 ialah pertama : mengubah falsafah dan pendekatan kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia dengan metodologi National Key Result Area (NKRA), kedua : mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi, ketiga : menuju ke arah pembangunan sosioekonomi secara inklusif, keempat : membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia dan kelima : mewujudkan persekitaran kondusif ke arah mempertingkatkan kualiti hidup


Berdasarkan teras keempat, iaitu membangun dan mengekalkan modal insan bertaraf dunia, kerajaan akan mempertingkatkan kemudahan pendidikan teknikal dan latihan vokasional (Technical Education and Vocational Training – TEVT) yang berkualiti dalam usaha mengarusperdanakan bidang ini dan membolehkan ramai pelajar menceburi pendidikan tersebut. Malaysia perlu meningkatkan komposisi pekerja berkemahiran tinggi kepada sekurang-kurangnya 37 peratus menjelang tahun 2015. Kini hanya 23 peratus daripada tenaga kerja negara ini merupakan tenaga kerja berkemahiran tinggi, iaitu jauh lebih rendah berbanding negara maju lain.

Di negara maju, TEVT menjadi antara pilihan utama pelajar kerana ia mempunyai prospek kerja yang baik. TEVT sebenarnya menyediakan landasan alternatif yang baik bagi para pelajar merealisasikan potensi mereka. Oleh itu, enrolmen dalam TEVT perlu ditambah dan kualiti latihan secara keseluruhan dipertingkatkan untuk meningkatkan dengan ketara tahap kemahiran tenaga kerja. Kadar purata enrolmen pelajar yang memasuki aliran teknikal dan vokasional di peringkat menengah atas bagi negara Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) ialah 44 peratus berbanding hanya 10 peratus di Malaysia.

Dalam tempoh Rancangan, empat strategi berikut akan digunapakai untuk mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada TEVT yang berkualiti, iaitu :

- Menambah baik persepsi terhadap TEVT dan menarik minat lebih ramai pelajar;
- Membangunkan tenaga pengajar TEVT yang lebih efektif;
- Mempertingkat dan mengharmonikan kualiti kurikulum TEVT selaras dengan keperluan industri; dan
- Memperkemaskan penyampaian TEVT.

Berdasarkan kepada strategi-strategi tersebut, CIAST dan JPK akan memainkan peranan penting bagi memperkukuhkan penyampaian latihan dan meningkatkan pengambilan tenaga pengajar. Kapasiti CIAST akan dipertingkatkan dengan menggunakan metodologi dan pendekatan latihan yang baru. Kerjasama antara institusi TEVT dengan industri dalam pertukaran personel akan diperkukuhkan bagi membolehkan tenaga pengajar vokasional menjalani penempatan di industri bagi mendapatkan pendedahan dan pengetahuan teknologi terkini. Pada masa yang sama, tenaga pengajar vokasional dari industri ditempatkan di institusi TEVT bagi memperkukuh kemahiran pedagogi mereka.



Sebuah pusat latihan pengajar yang baru, iaitu CIAST kedua akan dibangunkan di Tanjung Malim, Perak bagi menambah kapasiti latihan sebanyak 800 setiap tahun. Selain daripada itu, Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) akan menjadi agensi tunggal dalam pembangunan dan pengesahan kualiti kurikulum pendidikan teknikal dan latihan vokasional serta akan menyelaraskan program latihan pengajar di institusi latihan kemahiran awam yang lain. JPK akan memastikan kurikulum yang dibangunkan memenuhi piawaian minimum dan selaras dengan bidang ekonomi yang diberi keutamaan. Di samping itu, JPK akan membangunkan bank kurikulum untuk menyimpan semua kurikulum yang dibangunkan.

Untuk penyeragaman dan pengiktirafan persijilan TEVT, Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) akan diguna pakai sebagai persijilan kebangsaan bagi TEVT. Langkah berikut akan diambil bagi memperkukuh pengiktirafan sijil TEVT :

- Mengiktiraf dan menyeragam pelbagai tahap SKM dengan kesemua sijil yang dikeluarkan oleh penyedia TEVT menjelang tahun 2012;
- Mewajibkan pekerja dalam pekerjaan terpilih memiliki SKM atau sijil yang setaraf. Syarat ini akan dilaksanakan secara berperingkat mulai tahun 2012;
- Memperluas penerimaan SKM sebagai syarat kemasukan ke dalam skim perkhidmatan awam dan ke institusi teknikal dan vokasional di peringkat tinggi dan ke institusi pengajian tinggi menjelang tahun 2011.

Liputan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) akan diperluaskan bagi menyediakan latihan yang khusus untuk memenuhi keperluan golongan pelajar tercicir. Pelajar tercicir ialah sumber tenaga kerja yang besar dan berpotensi untuk diberi latihan kemahiran. Jika diberi latihan dan dilengkapi dengan kemahiran yang tepat, bilangan mereka sebagai pekerja mahir akan meningkat dengan ketara. Peruntukan tambahan disediakan sebanyak RM150 juta untuk latihan ini.


SLDN menekankan penglibatan langsung industri dalam latihan dan menetapkan 70 peratus daripada latihan perlu dijalankan di tempat kerja. Dalam tempoh RMKe-10, latihan di tempat kerja akan digalakkan dan dijadikan sebagai sebahagian daripada pendidikan formal TEVT kerana ia menyediakan :

- Persekitaran pembelajaran yang kondusif. Tempat kerja mewujudkan persekitaran pembelajaran yang baik melalui pengalaman sebenar. Kemahiran praktikal dan soft skills yang diperolehi akan meningkatkan kebolehpasaran;
- Aliran maklumat untuk meningkatkan kecekapan pengambilan pekerja. Majikan mengetahui perkembangan prestasi pelatih dan perantis, justeru itu memudahkan mereka membuat keputusan menggaji pekerja; dan
- Sumbangan produktif. Pelatih menjalankan tugas yang memberi manfaat kepada majikan dan ini menjadikan TEVT berfaedah kepada pelatih dan majikan.

Melalui SLDN, pekerja industri yang berpengalaman akan diberi peranan sebagai pembimbing kepada perantis. Bagi tujuan ini, pembimbing mesti cukup terlatih untuk memberi latihan yang berkesan di tempat kerja. Tenaga pengajar di institusi TEVT pula, perlu mempunyai kemahiran yang tinggi untuk melatih pembimbing. Sebanyak RM7.5 juta akan diperuntukkan kepada SLDN untuk melatih pembimbing dan tenaga pengajar.

Berdasarkan pernyataan di atas, peranan CIAST dan JPK dalam RMKe-10 adalah besar dan cukup mencabar. CIAST dan JPK akan mengambil langkah yang pro-aktif bagi memastikan amanat dan tanggung jawab yang diberi dilaksanakan dengan cemerlang dan agenda negara untuk mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional ke peringkat dunia bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi tercapai.





Pencapaian **CIAST**

PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PANJANG (PRA-PERKHIDMATAN)

Pengambilan Pelajar

Pada tahun 2010, Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV), Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dengan Sijil Pengajar Vokasional (SKMT3+VTO) dan Sijil Pengajar Vokasional (VTO), iaitu kursus jangka panjang masih dikekalkan. Seramai 362 pelajar telah mendaftar untuk mengikuti kursus tersebut (Carta 1).

Bagi kursus DLPV, seramai 47 orang pelajar telah dilatih pada tahun 2010. Pada pengambilan April 2010, seramai 32 pelajar telah mendaftar, iaitu 10 orang dalam bidang Teknologi Kimpalan, 11 orang dalam bidang Teknologi Jaminan Mutu dan 11 orang pelajar dalam bidang Teknologi Komputer Rangkaian. Manakala bagi pengambilan Oktober 2010, seramai 15 pelajar telah mendaftar, iaitu enam orang dalam bidang Teknologi Automotif, empat orang dalam Teknologi Mekatronik dan lima orang dalam bidang Teknologi Komputer Sistem.

Bagi kursus SKMT3+VTO, seramai empat orang pelajar telah mendaftar pada pengambilan April 2010 dalam bidang Juruteknik Elektronik Industri. Pada pengambilan Oktober 2010, seramai 30 orang pelajar telah mendaftar, iaitu 15 orang dalam bidang Juruteknik Kenderaan Motor dan 15 orang dalam bidang Juruteknik Kimpalan Arka Logam Berperisai.


Bagi kursus VTO, sebanyak empat sesi telah dilaksanakan pada tahun 2010 yang melibatkan 281 orang pelajar. Pecahan pelajar mengikut sesi adalah seperti berikut, iaitu sesi 1/2010 seramai 78 orang, sesi 2/2010 seramai 51 orang, sesi 3/2010 seramai 87 orang dan sesi 4/2010 adalah seramai 65 orang.



Sesi Temuduga Calon



Pendaftaran Pelajar




Carta 1 : Statistik Pengambilan Pelajar Kursus Jangka Panjang Tahun 2010.

Keluaran Pelajar

Seramai 543 orang pelajar telah menamatkan pengajian dengan jayanya pada tahun 2010 yang terdiri daripada 34 bidang kursus (Carta 2). Daripada jumlah tersebut, seramai 75 orang daripada kursus DLPV bagi 12 bidang kemahiran. Bagi kursus DPV yang merupakan kumpulan terakhir pada pengambilan Julai 2007 yang lalu, seramai 201 peserta telah menamatkan dengan jayanya dalam 18 bidang kursus.

Bagi jurusan VTO, seramai 267 orang pelajar telah menamatkan pengajian dengan jumlah keluaran bagi sesi pengambilan Julai 2009 adalah seramai 78 orang, sesi pengambilan Oktober 2009 adalah seramai 63 orang, sesi pengambilan Januari 2010 adalah seramai 77 orang dan sesi pengambilan April 2010 adalah seramai 49 orang.



Carta 2 : Statistik Pengambilan Pelajar Kursus Jangka Panjang Tahun 2010

PELAKSANAAN LATIHAN KEMAHIRAN JANGKA PENDEK (DALAM PERKHIDMATAN)

CIAST turut menjalankan kursus jangka pendek yang dikendalikan secara modular dan *customised*. Kursus modular merupakan kursus yang dijalankan mengikut perancangan CIAST melalui persediaan yang mantap dan bersesuaian dengan piawaian dan kemampuan yang ada. Kursus *customised* pula ialah kursus yang dilaksanakan hasil perbincangan di antara pelanggan dengan pihak CIAST di mana kursus ini telah diubahsuai mengikut kehendak pelanggan sama ada awam atau swasta.


Pada tahun 2010, CIAST telah menjalankan sebanyak 353 kursus jangka pendek melibatkan seramai 9,693 orang peserta berbanding jumlah sasaran peserta sebanyak 8,230 orang. Peratus pencapaian ialah 117.78%. Jadual 1 menunjukkan bilangan peserta kursus jangka pendek bagi tahun 2010. Carta 3 dan 4 menunjukkan bilangan peserta dan kursus jangka pendek bagi tahun 2008 hingga 2010. Penurunan jumlah dan peserta kursus jangka pendek pada tahun 2010 adalah disebabkan CIAST terlibat dengan projek naik taraf.

Jadual 1 : Bilangan Peserta Kursus Jangka Pendek Tahun 2010


Bil.	Nama Program	Bil. Kursus	Bil. Peserta
1.	Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD)	222	7,735
2.	Program Pembangunan Pengajar Kemahiran (PPK)	79	721
3.	Program Perancangan dan Pembangunan Latihan (PPL)	30	731
4.	Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia (PEM)	21	486
5.	Program Kelayakan dan Kekompetenan (KK)	1	20
Jumlah		353	9,693



Peserta sedang membuat perbincangan kumpulan



Carta 3 : Bilangan Peserta Kursus Jangka Pendek Tahun 2008 – 2010



Carta 4 : Bilangan Kursus Jangka Pendek Tahun 2008 – 2010

PEWUJUDAN KURSUS BARU

Kursus Induksi Pentauliah dan Persijilan Kemahiran Malaysia (KIPPKM)

KIPPKM telah diambil alih oleh CIAST daripada Bahagian Pembangunan Kepakaran (PK), JPK Cyberjaya bermula Mei 2010. KIPPKM terdiri daripada kursus-kursus induksi Pegawai Penilai-Pegawai Pengesah Dalam-Pengurus Pusat Bertauliah (PP-PPD-PPB), Pegawai Penilai-Pengiktirafan Pencapaian Terdahulu (PP-PPT) dan Pegawai Penilai-Pegawai Penilai Pengesah Luaran (PP-PPL). Kursus ini adalah anjuran bersama CIAST dan penganjur swasta yang berminat menganjurkannya. Penceramah yang dilantik adalah terdiri daripada pengajar-pengajar CIAST dan kakitangan yang berpengalaman di JPK Putrajaya, Cyberjaya dan wilayah masing-masing. Jadual 2 ialah maklumat penganjuran KIPPKM sepanjang tahun 2010.

Jadual 2 : Maklumat Penganjuran Kursus Induksi Pentauliah dan Persijilan Kemahiran Malaysia (KIPPKM) Tahun 2010

Kursus	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis	Jumlah
PP-PPB-PPB	16	17	17	15	8	12	9	19	113
PP-PPT	5	3	7	4	1	3	4	5	32
PP-PPL	6	4	2	5		Ditangguhkan			17

Kursus 'NDTS Coach Training Programme'

Pada tahun 2010, sebanyak 15 kursus 'NDTS Coach Training Programme' yang telah diambil alih dari Bahagian PK, JPK Cyberjaya pada awal tahun 2010 telah berjaya dilaksana yang melibatkan penyertaan sebanyak 558 *coach* SLDN dari pelbagai bidang industri. Semasa kursus, peserta didedahkan dengan konsep SLDN, pembangunan kurikulum SLDN dan Learn and Work Assignment (LWA), bagaimana menjadi seorang coach yang berjaya dan sistem penilaian SLDN. Selain itu, mereka juga didedahkan dengan kaedah untuk membuat pelan mengajar (*lesson plan*) dan dikehendaki menjalani satu sesi 'Lesson Delivery' sambil dinilai oleh fasilitator kursus. Pengetahuan dan kemahiran ini amat berguna kepada mereka untuk diaplikasikan dalam latihan SLDN di tempat kerja mereka.

Di dalam program SLDN, penglibatan pusat latihan awam atau swasta juga diperlukan di dalam pembelajaran teori. Pengajar-pengajar Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta (ILKA/S) juga turut terlibat. Sebanyak empat kursus 'NDTS Trainer Training Programme' yang melibatkan penyertaan seramai 112 pengajar dari ILKA/S telah berjaya dilaksanakan. Ringkasan program *Fasilitator, Coach Training Programme* dan *Trainer Training Programme* boleh dilihat di Jadual 3.

Jadual 3 : Program *Fasilitator, Coach and Trainer Training Programme* Tahun 2010

Bil	Nama Program	Tempat	Tempoh	Bil. Siri	Jumlah Peserta
1.	Bengkel Pembangunan Fasilitator Program Latihan Coach dan Pengajar SLDN	Hotel Summit USJ	5 hari	1 siri	17
2.	NDTS Coach Training Programme	Institut Awam dan Hotel	6 hari	15 siri	558
3.	NDTS Trainer Training Programme	Institut Awam dan Hotel	5 hari	4 siri	112



Peserta membuat persembahan kumpulan

Kursus Kemahiran Sosial dan Nilai Sosial

Satu aspek penting yang ditekankan dalam program SLDN ialah kemahiran sosial dan nilai sosial pada setiap perantis yang dilahirkan melalui program ini. Untuk melengkapkan latihan seseorang *coach* atau pengajar SLDN, mereka perlu mengikuti kursus Kemahiran Sosial dan Nilai Sosial di dalam pelaksanaan SLDN. Sebelum ini, kursus ini hanya dijalankan oleh pihak Universiti Putra Malaysia (UPM), tetapi bermula tahun 2010 kursus ini telah dijalankan oleh CIAST.

Sebanyak lima siri kursus telah dijalankan yang melibatkan kerjasama dengan pensyarah dan fasilitator dari UPM serta syarikat yang dilantik oleh Ibu Pejabat JPK. Di dalam kursus ini, para peserta didedahkan dengan lapan kemahiran sosial dan 16 nilai sosial yang perlu diterap dan dinilai kepada setiap perantis dalam program SLDN. Rujuk Jadual 4 untuk ringkasan program kursus tersebut.

Jadual 4 : Kursus Kemahiran Sosial & Nilai Sosial SLDN Tahun 2010

Bil	Nama Program	Tempat	Tempoh	Bil. Siri	Jumlah Peserta
1.	Kursus Kemahiran Sosial Dan Nilai Sosial SLDN	Institut Awam dan Hotel	5 hari	5 siri	183

Kursus Induksi Personel SLDN

Unit Latihan dan Konsultasi Kurikulum SLDN, CIAST juga turut bekerjasama dengan JPK Wilayah dalam menganjurkan kursus induksi kepada personel SLDN. Penganjuran kursus ini telah diambil alih dari Bahagian PK, JPK Cyberjaya pada awal tahun 2010. Kursus induksi ini biasanya dijalankan di pejabat-pejabat JPK Wilayah dan berlangsung selama satu hari. Kursus induksi yang dijalankan melibatkan *Coach*, Pakar Sistem Dual (Dual System Expert - DSE) dan PPL-SLDN. Rujuk Jadual 5 untuk ringkasan kursus induksi tersebut.

Jadual 5 : Kursus Induksi Personel SLDN Tahun 2010

Bil	Nama Program	Tempat	Tempoh	Bil. Siri	Jumlah Peserta
1.	Induksi Coach	Pejabat JPK Wilayah dan CIAST	1 hari	6 siri	261
2.	Induksi DSE	CIAST	1 hari	1 siri	43
3.	Induksi PPL-SLDN	Pejabat JPK Wilayah	1 hari	3 siri	110

Program CISCO Networking Academy

Tahun 2010 melakar satu sejarah buat CIAST apabila telah berjaya menjadi salah sebuah akademi yang melaksanakan program latihan persijilan CISCO di bawah program CISCO Networking Academy. Ianya bertujuan untuk :

- Mewujud *pool of experts* di kalangan pengajar dalam bidang ICT
- Meningkatkan tahap kemahiran tenaga pengajar dalam bidang ICT agar seiring dengan teknologi ICT semasa yang berada di pasaran
- Membantu tenaga pengajar supaya bersedia untuk mengambil Peperiksaan Profesional seperti *CISCO Certified Entry Networking Technician (CCENT)*, *CISCO Certified Network Associate (CCNA)* atau *CISCO Certified Network Professional (CCNP)*.
- Membantu mengurangkan jurang perbezaan tahap kemahiran ICT dalam pasaran di Malaysia
- Memastikan tenaga pengajar berupaya menghasilkan keluaran institut yang kompeten, berdaya saing dan sentiasa memenuhi kehendak pasaran dalam bidang ICT.
- Memberi peluang kepada pelajar kemahiran untuk memperolehi Sijil Profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa bagi memasuki pasaran pekerjaan tempatan dan antarabangsa. Secara tidak langsung, ianya membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada mereka.
- Melengkapkan pengajar dengan Sijil Profesional di peringkat antarabangsa supaya pengajar kita setaraf dan boleh mendapat pengiktirafan di peringkat yang lebih tinggi. Untuk itu, satu program latihan *CISCO Model-Train The Trainer* (fasa 1) yang melibatkan seramai sembilan orang tenaga pengajar dari CIAST telah diadakan selama 16 hari di UiTM Shah Alam dan UniKL, Kuala Lumpur mulai 29 Oktober hingga 9 Disember 2010 yang

bertujuan menyediakan tenaga pengajar yang bakal mengendalikan program latihan tersebut.

Dengan wujudnya makmal latihan dan tenaga pengajar yang kompeten, usaha CIAST untuk membangunkan pengajar bertaraf dunia yang berpengetahuan, kompeten, berdisiplin dan responsif terhadap perubahan persekitaran dan teknologi akan dapat dicapai. Di samping itu, pelaksanaan program latihan Persijilan CISCO System, iaitu *CISCO Certified Academy Instructors* dilihat dapat memberi impak yang besar terhadap usaha untuk memperkasakan tenaga pengajar dan mengurusperdanakan latihan kemahiran yang merupakan salah satu agenda negara dalam RMKe-10.



Peserta sedang membuat konfigurasi router



Peserta sedang menjalani latihan amali

Pewujudan Sistem Baru di CIAST

Sistem Pemantauan Pengurusan Aset (SPPA) ialah aplikasi yang dibangunkan oleh Perbendaharaan Malaysia, Kementerian Kewangan bagi tujuan penyeragaman terhadap proses kawalan dan pemantauan aset dan inventori bagi semua kementerian dan jabatan persekutuan. Sistem ini dibangunkan mengikut kaedah kawalan pengurusan aset dan stor yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007, Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA) dan Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009, Tatacara Pengurusan Stor. Sistem SPPA ini merangkumi dua modul sistem seperti yang berikut:

i. Sistem Pengurusan Aset (SPA)

Pelaksanaan Sistem Pengurusan Aset (SPA) di CIAST adalah merupakan yang terawal di bawah Jabatan, Kementerian Sumber Manusia dan dengan terlaksananya sistem SPA ini, dapat memudahkan pentadbiran CIAST untuk mengurus, mengawal dan memantau semua aset alih dan inventori pihak kerajaan dengan merujuk kepada tatacara pengurusan aset alih (TPA) yang telah dinyatakan seperti di atas. Tatacara yang lengkap dan sistematik beserta pelaksanaan SPA memudahkan pengurusan harta modal dan inventori yang meliputi proses penerimaan, pendaftaran, penggunaan, penyimpanan dan pemeriksaan, penyelenggaraan, pelupusan dan kehilangan serta hapus kira.

ii. Sistem Pengurusan Stor (SPS)

CIAST merupakan organisasi yang terawal di bawah Kementerian Sumber Manusia yang telah melaksanakan SPS jika dibandingkan dengan kementerian dan jabatan kerajaan persekutuan yang lain. SPS ini meliputi aspek pengurusan stor dengan merujuk Tatacara Pengurusan Stor (TPS), Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2009. Tatacara SPS ini pula meliputi proses penerimaan, merekod stok, penyimpanan, pengeluaran, pemeriksaan, keselamatan dan kebersihan, pelupusan, kehilangan serta hapuskira.

Kedua-dua sistem tersebut telah digunakan secara menyeluruh di CIAST pada November 2010.




Portal sistem pemantauan pengurusan aset

Sistem eMinit

Sistem e-Minit dibangunkan bertujuan untuk mewujudkan satu rekod tugas khas yang perlu diberi perhatian dan dibuat pemantauan dengan lebih sistematik, tepat dan cepat. Aplikasi ini adalah berasaskan kepada format laman web dan boleh diakses 24 jam di mana sahaja yang ada kemudahan internet. Melalui aplikasi eMinit, kemudahan seperti berikut dapat diberikan, iaitu :

- Pentadbir (Pengarah dan Ketua Program/Bahagian) menyampaikan tugas khas kepada pegawai berkaitan
- Pegawai dapat menerima, mengambil tindakan dan melaporkan kemajuan tindakan dalam sistem
- Pentadbir/Pegawai dapat menyemak laporan berkenaan serta memberi penilaian terhadap laporan
- Menyediakan statistik laporan kemajuan pelaksanaan tugas mengikut pengguna
- Pengguna juga akan menerima mesej melalui emel pengguna apabila ada tugas baru dari pengguna lain.

Sistem ini telah mula digunakan pada pertengahan tahun 2010 oleh Bahagian Khidmat Pengurusan dan akan diselaraskan pelaksanaan penggunaan secara menyeluruh pada tahun 2011.



Sistem Rangkaian Kawasan Setempat (LAN) CIAST

CIAST telah mencapai kejayaan di dalam peningkatan dan perluasan LAN pada penghujung tahun 2010. Ianya dilengkapi dengan talian *lease line* mencapai kelajuan 34MB memudahkan pencapaian pelayaran internet dan penggunaan mel atau e-mel elektronik dengan pantas dan efisien. Pencapaian internet di CIAST meliputi jaringan tanpa wayar dan kabel. Kemudahan penggunaan internet secara 24 jam meliputi melebihi 20 akses *point* di CIAST. Terdapat tiga talian yang telah disediakan di CIAST bagi tahun 2010, iaitu :

- i. Talian EGNET
- ii. Talian Streamyx
- iii. Talian tetap - leased line 34Mbps. Talian tetap ini dilengkapi dengan kelajuan akses kepada capaian internet dengan wayar dan tanpa wayar (*wireless*) sebanyak 34Mbps yang meningkatkan kelancaran keupayaan capaian internet serentak oleh semua kakitangan CIAST dan para pelajar CIAST. Menerusi talian ini, mesyuarat dapat dikendalikan secara video conference dengan lancar dan tanpa gangguan. Fail yang bersaiz besar melebihi 100MB dan video pembelajaran yang berkapasiti besar juga dapat dimuat turun dalam masa yang singkat.

Keselamatan rangkaian CIAST dikawal sepenuhnya dengan sistem EPICENTER (*Network Management System*) dan Sistem Backup mengguna *Redundancy Core Switch*.

PEMBANGUNAN KURIKULUM

Pembangunan dan Penyemakan Course of Study (CoS) dan Bahan Pengajaran Bertulis (Written Instructional Materials – WIM)

Unit Pembangunan Manual Latihan dan Unit Bahan Latihan di bawah Program PPL berperanan membangunkan CoS dan WIM bagi memenuhi keperluan kurikulum di Pusat Bertauliah (PB) awam dan swasta. Peranan unit-unit ini ialah mengendali dan melaksanakan pembangunan kurikulum dengan lebih terancang dan teratur dengan menggunakan kepakaran fasilitator CIAST sedia ada. Pada tahun 2010, sebanyak lima CoS dan tujuh WIM telah dibangun dan disemak (**Jadual 6**).



Bengkel pembangunan COS

Jadual 6 : Pembangunan dan Penyemakan CoS dan WIM Tahun 2010

Pembangunan dan Penyemakan CoS		
Bil.	Kod	Bidang
1.	IT-020-2	Pembantu Juruteknik Sistem Komputer
2.	IT-020-4	Penolong Eksekutif Sistem Komputer
3.	IT-020-5	Eksekutif Sistem Komputer
4.	D-051-4	Penolong Jurutera Komputer Rangkaian
5.	PG-030-3	Plastic Injection Moulding Production Senior Technician (Thermoplastic)
Pembangunan dan Penyemakan WIM		
Bil.	Kod	Bidang
1.	E-030-5	Jurutera Elektronik Industri – Peralatan
2.	H-095-5	Jurutera Peralatan
3.	L-040-5	Eksekutif Penyedia Makanan
4.	L-050-5	Pengurus Makanan dan Minuman
5.	H-023-5	Jurutera Kimpalan Fabrikasi
6.	H-024-3	Juruteknik Kimpalan Arka Logam Berperisai (Keluli Karbon dan Keluli Tahan Karat)
7.	I-031-3	Pegawai Latihan Vokasional

Kesemua CoS dan WIM tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Pembangunan Kemahiran (JPPK) bagi tujuan semakan dan penambahbaikan. Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Manual Latihan (JKTML) telah diadakan selepas Mesyuarat JPPK bagi tujuan memperakui dan mengesahkan lima CoS dan tujuh WIM yang dibangunkan pada tahun 2010.

PROGRAM KERJASAMA DENGAN AGENSI LUAR

Penganjuran Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) Tahun 2010

Unit Pembangunan Kompetensi, Program Pembangunan Profesional Kemahiran (SPD), CIAST bertanggungjawab melaksana Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) bagi Skim Pegawai Latihan Vokasional. Pelaksanaannya berdasarkan kepada jadual dan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dari masa ke semasa.

PTK telah diperkenalkan dalam Sistem Saran Malaysia (SSM) mulai 1 November 2002 bertujuan menggalak pembangunan diri pegawai melalui pembelajaran berterusan, meningkatkan budaya organisasi pembelajaran dan melaksana pengurusan sumber manusia berasaskan kompetensi. PTK telah dimantapkan pada tahun 2005 dan dibuat pengubahsuaian pada tahun 2008. Tahun 2009 pula merupakan tempoh peralihan pelaksanaan PTK dari kaedah lama kepada kaedah Pusat Penilaian Kompetensi (PPK) selaras dengan pengubahsuaian PTK seperti mana yang dinyatakan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 19 Tahun 2008.

Sepanjang tahun 2010, CIAST telah menyelaras dan melaksanakan sepenuhnya PTK bagi kumpulan pengurusan dan profesional. Berikut ialah beberapa aktiviti yang dijalankan sebelum Penilaian Tahap Kecekapan kaedah Pusat Penilaian Kompetensi dilaksanakan (**Jadual 7**).

Jadual 7 : Aktiviti Penilaian Tahap Kecekapan Sebelum Kaedah Penilaian Kekompetenan Tahun 2010

Bil	Aktiviti	Tarikh
1.	Taklimat Penggubalan Soalan Oleh JPA	12 Januari 2010
2.	Mesyuarat Penggubalan Soalan PTK •TK3 •TK4 •TK5	12 Januari 2010 23 Disember 2009 12 Januari 2010
3.	Bengkel Pemurnian Soalan •TK3 •TK4 •TK5	10 - 11 Mac 2010 10 - 11 Februari 2010 7 - 8 April 2010

CIAST menyediakan segala keperluan untuk tujuan penilaian seperti jadual, panel pemilihan soalan, penceramah, panel penilai, pengawas peperiksaan, pemeriksa kertas ujian, urus setia dan segala aspek dari mesyuarat pemilihan soalan, kemudahan bilik taklimat, perbincangan, sesi ceramah, sesi penilaian, bilik peperiksaan, penyediaan pemarkahan sehingga mengesahkan keputusan calon melalui mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras PTK CIAST sebelum diserahkan kepada Cawangan Pengurusan Kompetensi, JPA. **Jadual 8** menunjukkan aktiviti penilaian yang dijalankan pada tahun 2010.

Jadual 8 : Aktiviti Penilaian Tahap Kecekapan Tahun 2010

Bil	Tahap Penilaian	Siri Penilaian	Tarikh Penilaian	Bilangan Calon
1.	PTK 3 PLV J44	1/2010	24 Mac – 1 April 2010	18
		2/2010	19 - 27 Mei 2010	26
		3/2010	7 - 15 Julai 2010	20
		4/2010	22 - 30 September 2010	18
2.	PTK 4 PLV J48	1/2010	14 - 22 April 2010	20
		2/2010	22 - 30 September 2010	11
Jumlah				113



Bengkel pemurnian soalan



Taklimat panduan penggubalan soalan oleh JPA



Slot ceramah kompetensi umum



Sesi penilaian persembahan kumpulan

Seminar Pengajar Pusat Bertauliah Jabatan Pembangunan Kemahiran

Seminar Pengajar Pusat Bertauliah (PB) JPK anjuran CIIAST telah diadakan pada 3 Ogos 2010 di Auditorium CIIAST. Seminar ini bertujuan untuk memberi pendedahan keperluan peningkatan kemahiran dan metodologi latihan kepada pengajar kemahiran di PB seluruh Malaysia. Dalam usaha ke arah membangunkan pengajar yang kompetitif, pengisian agenda pada seminar ini adalah bertemakan “Memperkasakan Pengajar Kemahiran Malaysia”. Seminar ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato’ R. Segarajah, Ketua Setiausaha (KSU) KSM.

Objektif pembentangan kertas kerja ialah menerangkan hala tuju CIIAST sebagai agensi penyedia latihan untuk tenaga pengajar bagi PB di bawah JPK, menggalakkan perkongsian ilmu pengetahuan di antara tenaga pengajar ILKA/S, industri dan persatuan, menyampaikan maklumat berkaitan dengan kelayakan kekompetenan dalam Sistem Pelesenan Tenaga Pengajar Kemahiran, mendedahkan keperluan hubungan institut dengan industri melalui pelaksanaan CESS, menerangkan faedah dan aplikasi pelaksanaan Sistem 5S secara sistematik sebagai amalan kerja harian dan menggalakkan setiap pengajar meningkatkan tahap pengetahuan, kelayakan teknikal, kemahiran dan daya saing dalam memenuhi keperluan negara dari masa ke semasa.

Sebanyak enam kertas kerja telah dibentangkan, iaitu :

- i. *The Skills Revolution : The New Skills Strategy* oleh Dr. Mohamad bin Sulaiman, Pengarah Bahagian Perancangan, Pembangunan dan Penyelidikan, JPK
- ii. *ToT : Transforming for Future* oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIIAST
- iii. *5S : Completing of Jigsaw Puzzle* oleh Malaysian Productivity Corporation
- iv. *Skill Training : Light At The End of The Tunnel* oleh Pn. Zuraini bt. Muda, CIIAST
- v. *CESS : Perfect Marriage for Skill Training* oleh En. Zaid bin Mat San, CIIAST
- vi. *Success Story : Late Bloomer* oleh En. Ramli Rashidi, Pengarah ADTEC Bintulu, Sarawak



Y. Bhg. Dato' R. Segarajah, KSU KSM menyampaikan ucapan perasmian



Peserta tekun mendengar maklumat yang disampaikan



Pendaftaran peserta

Persidangan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pusat Bertauliah (PB), Jabatan Pembangunan Kemahiran 2010

Persidangan CEO ini telah diadakan pada 14 Oktober 2010 bertempat di Auditorium CIIAST. Tema persidangan ialah “Mengarusperdanakan Latihan Kemahiran Malaysia”. Persidangan diadakan bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai pelaksanaan semasa Persijilan Kemahiran Malaysia, memberi pendedahan informasi terkini berkaitan Persijilan Kemahiran Malaysia dan menggalakkan perkongsian maklumat di antara PB awam dan swasta, industri dan persatuan. Seminar yang dirasmikan oleh Y. Bhg. Dato’ R. Segarajah, KSU KSM telah dihadiri oleh seramai 180 orang CEO.

Sebanyak lima kertas kerja telah dibentangkan, iaitu :

- i. *Changing the Landscape of CIIAST : The Untold Story* oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIIAST
- ii. *Fun Learning : Tablet in Training* oleh Dr. R. Palan, Group Chairman/CEO of SMR HR Group Sdn. Bhd.
- iii. *Man vs Android : Shaping An Ideal Human Capital Development* oleh En. Ahmad Zamir bin Ahmad Zawawi, Penolong Pengurus Kanan (Penyelarasan Pelaksanaan) PTPK
- iv. *Avoiding the Déjà Vu : Building Alliance*

Between Employees and Employers oleh Tn. Hj. Shamsuddin bin Bardan, Pengarah Eksekutif Malaysian Employers Federation (MEF)

- v. *Conquering the Mountain : Gearing Up for 10MP* oleh En. Nidzamin Kamarulzaman, Timbalan Ketua Pengarah JPK

Impak/output hasil daripada persidangan adalah bagi :

- i. Membantu CEO dengan cara menyalurkan maklumat terkini kepada PB mengenai polisi Kementerian Sumber Manusia bersama-sama dengan isu serta cabaran pelaksanaan semasa Persijilan Kemahiran Malaysia
- ii. Menggalak jaringan yang kukuh di kalangan PB dengan pembuat dasar kerajaan melalui perkongsian pintar hasil daripada pelaksanaan dalam memartabatkan latihan kemahiran
- iii. Mengajak PB untuk sama-sama mendukung usaha kerajaan dengan menjadikan latihan kemahiran sebagai wadah mentransformasikan ekonomi negara yang baru sejajar dengan hasrat menjadikan negara lebih progresif, dinamik dan berdaya saing.



Y. Bhg. Dato' R. Segarajah, KSU KSM menandatangani buku pelawat sebelum merasmikan seminar



Dr. Pang Chau Leong, KP JPK turut hadir ke majlis perasmian seminar



Antara CEO yang hadir



Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali sedang membentangkan kertas kerjanya




Sesi soal jawab

Seminar *National Broadband Initiative*

Program PEM, CIIAST telah mengadakan Seminar National Broadband Initiative pada 28 September 2010 bertempat di Auditorium, CIIAST. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIIAST secara *virtual* kerana beliau sedang menghadiri Asian Development Bank Institute – Organisation of Economic Cooperation and Development (OECD) Conference on Skills Development in the Post Crisis Context di Tokyo, Jepun. Seminar ini telah dihadiri oleh seramai 262 orang yang melibatkan peserta dari ILKA dan institut pengajian awam/swasta, badan-badan kerajaan dan industri yang berkaitan. Carta 5 menunjukkan agensi peserta yang menghadiri seminar. Tujuan utama seminar diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan kepada peserta mengenai teknologi jalur lebar. Tajuk kertas kerja yang dibentangkan berkisar kepada dunia era teknologi jalur lebar khususnya di Malaysia. Pihak PEM telah menjemput beberapa orang penceramah luar yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan luas dalam bidang teknologi jalur lebar. Di antara penceramah ialah:

- *National Broadband Initiative* oleh Pn. Nor Akmar bt. Shah Minan *Director, Service and Infrastructure Development*, (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia – SKMM) dan En. Muhammad Razali bin Anuar, *Director, Technology, Standards and Network Division*
- *High Speed Broadband* - Telekom Malaysia (TM) oleh Pn Siti Hairolmiza bt. Zainal, Sales Manager
- *Mobile Broadband Technology* – Celcom - AXIATA oleh En. Raduwan bin Abd Maulud, Sales Manager



Carta 5 : Jumlah Peserta Yang Hadir Mengikut Agensi



Pendaftaran peserta seminar



Sesi soal jawab



Pembentangan oleh Pn. Nor Akma bt. Shah Manan

Lawatan Kerja ke Phnom Penh, Cambodia

Lawatan kerja ke Phnom Penh, Cambodia di bawah Third Country Training Programme (TCTP) on Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET). Dua orang pegawai CIAST, iaitu Tn. Hj Omar bin Jusoh, Timbalan Pengarah Perancangan dan Pembangunan dan Pn. Suzana bt. Mohammed Zohdi, Ketua Penyelaras Program Latihan Antarabangsa telah mengikuti lawatan ini yang turut dihadiri oleh En. Loh Seck Tiong, Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan dua pegawai JICA Malaysia. Tujuan utama lawatan adalah untuk mengenalpasti latihan yang diperlukan mengikut keperluan semasa negara Cambodia serta mengenalpasti kumpulan sasaran yang akan mengikuti latihan di CIAST. Antara tempat yang dilawati ialah Kedutaan Malaysia, JICA Cambodia, Ministry of Labour and Vocational Training (MLVT), sembilan institut di bawah TVET, ASIAN Development Bank (ADB), e-Garage (Automobile Repairing Services kepunyaan Tan Chong Malaysia) dan PISNOKA International Corporation (syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh anak muda dari Cambodia).



Kunjungan hormat terhadap Duta Malaysia di Kemboja, Y.B. Datuk Pengiran Hj. Mohd. Hussein bin Datuk Pengiran Hj. Mohd. Tahir Nasruddin di Pejabat Kedutaan



Bergambar bersama pelajar di salah sebuah TVET Institute di Cambodia

PENGANJURAN PERTANDINGAN KEMAHIRAN

Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) Ke-19 Tahun 2010

CIAST telah menjadi tuan rumah untuk menganjurkan sembilan bidang kemahiran bermula 14 hingga 17 Oktober 2010. Daripada sembilan pertandingan ini, tujuh adalah pertandingan anjuran Kementerian Sumber Manusia manakala pertandingan Automobile Technology dianjurkan dengan kerjasama Proton Berhad dan Pertandingan Mechanical Engineering Drawing dianjurkan oleh Kementerian Kerja Raya.

Pertandingan peringkat akhir PKM 2010 telah diadakan di empat tempat berasingan (Jadual 9). Jumlah peserta yang menyertai pertandingan akhir adalah seramai 158 orang dan seorang daripadanya telah menarik diri pada hari ketiga pertandingan.

Jadual 9 : Bilangan Peserta dan Lokasi Pertandingan Peringkat Akhir PKM Tahun 2010

Bil.	Bidang Kemahiran	Bil. Peserta yang layak	Bil. Peserta yang hadir	Lokasi pertandingan
1.	Fashion Technology	10	10	CIAST, Shah Alam
2.	Beauty Therapy	8	8	CIAST, Shah Alam
3.	ITPC Networking	8	7	CIAST, Shah Alam
4.	Graphic Design Technology	8	8	CIAST, Shah Alam
5.	Web Design Technology	8	8	CIAST, Shah Alam
6.	Restaurant Services	8	7	UPM
7.	Cooking	8	8	UPM
8.	Ladies & Men's Hair dressing	9	7	KLCC
9.	Mechatronics	12	12	CIAST, Shah Alam
10.	Electronics	8	8	CIAST, Shah Alam
11.	Bricklaying	8	8	ABM, KL
12.	Plumbing	8	8	ABM, KL
13.	Joinery	7	7	ABM, KL
14.	Welding	8	8	ABM, KL
15.	Wall & Floor Tiling	8	8	ABM, KL
16.	Electrical Installation	10	10	ABM, KL
17.	Decorative Painting	6	6	ABM, KL
18.	Refrigeration	8	8*	ABM, KL
19.	Mechanical Engineering Drawing	6	6	CIAST, Shah Alam
20.	Automobile Technology	6	6	CIAST, Shah Alam
Jumlah		162	158	

*Seorang Tarik diri pada hari ketiga

Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri telah diadakan di Putrajaya *International Convention Centre* (PICC) pada 19 Oktober 2010. Majlis ini telah dirasmikan oleh Y. B. Datuk Dr. S. Subramaniam, Menteri Sumber Manusia. Peserta dari Institut Latihan Perindustrian Labuan, Stanleey Taiming yang bertanding dalam bidang *Automobile Technology* telah dianugerahkan sebagai peserta terbaik untuk menerima Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri bagi tahun 2010.

Daripada jumlah 20 bidang yang dipertandingkan, hanya 16 bidang sahaja yang menyaksikan anugerah pingat emas manakala empat lagi bidang, iaitu *Electronics*, *Mechanical Engineering Drawing*, *Ladies and Men's Hairdressing* dan *Web Design* tidak mempunyai peserta yang layak memenangi pingat emas. Dari segi agensi yang mengambil bahagian, GiatMara mendahului agensi-agensi lain dengan memenangi tiga emas, lima perak dan empat gangsa. Jadual 10 menunjukkan jumlah pungutan pingat mengikut agensi yang mengambil bahagian.

Jadual 10 : Jumlah Pungutan Pingat Mengikut Agensi Dalam PKM Tahun 2010

Bil	Agensi	Emas	Perak	Gangsa
1.	GiatMARA	3	5	3
2.	Jabatan Tenaga Manusia (JTM)	3	4	4
3.	Akademi Binaan Malaysia (ABM)	3	1	3
4.	Institut Kemahiran MARA	2	3	2
5.	Kementerian Belia & Sukan	1	1	-
6.	Pusat Latihan Pembangunan Belia (PLPB)	1	1	-
7.	Pusat Latihan Pengajar & Kemahiran Lanjutan (CIAST)	1	-	-
8.	Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS)	1	-	-
9.	Universiti Teknologi MARA (UiTM)	1	-	-
10.	Kolej Komuniti	-	1	2
11.	Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJED)	-	1	1
12.	Agensi Swasta	-	1	1
13.	Politeknik	-	1	-
14.	Sekolah Menengah Teknik (Vokasional)	-	-	2
15.	Kolej Universiti TATI (TATIUC)	-	-	1
Jumlah Pingat		16	19	19


Penyampaian cenderahati oleh Y. B. Datuk Dr. S. Subramaniam Menteri Sumber Manusia.




Peserta bidang *automotive*



Peserta bidang *graphic design*



Peserta bidang *beautician*



Produk bidang mekatronik

Pertandingan MySkills dan MySkills ASEAN Tahun 2010

CIAST telah dipilih sekali lagi oleh JPK untuk menjadi lokasi pertandingan MySkills 2010. Pada tahun ini, hanya dua bidang telah dijalankan pada peringkat kelayakan di CIAST disebabkan CIAST dalam proses naik taraf. Sebanyak 10 bidang kemahiran telah dipertandingkan untuk peringkat MySkills akhir dan enam bidang peringkat MySkills ASEAN. Pertandingan ini merupakan satu wadah dan penghargaan kepada tenaga pengajar untuk meningkatkan kualiti dan kompetensi diri dalam bidang kemahiran yang dikuasai. Bidang-bidang yang dipertandingkan adalah seperti **Jadual 11** dan bilangan peserta MySkills ASEAN adalah seperti **Jadual 12**.

Jadual 11 : Jenis Pertandingan MySkills dan Bidang Yang Dipertandingkan

Jenis Pertandingan	Bidang
Pertandingan MySkills 2010 Pra-Kelayakan	ITPC Network Mekatronik
Pertandingan MySkills Akhir 2010	ITPC Network Mekatronik Automobile Technology Industrial Electronic Electrical Installation Batik Software Application Web design Welding Graphic design
Pertandingan MySkills ASEAN 2010	ITPC Network Automobile Technology Industrial Electronic Electrical Installation Web Design Welding

Majlis penyampaian anugerah kepada pemenang telah dilaksanakan di Auditorium CIAST pada 25 Mei 2010 jam 3.00 petang dan telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia.

Jadual 12 : Bilangan Peserta MySkills ASEAN Tahun 2010

Bil.	Bidang	Peserta							Jumlah
		MAS	IND	LAOS	CAM	THAI	PHI	VIET	
1.	ITPC Network	1	1	1	1	-	1	1	6
2.	Automobile Technology	1	1	-	1	1	1	1	6
3.	Industrial Electronic	1	1	-	1	1	1	1	6
4.	Electrical Installation	1	1	1	1	1	1	1	7
5.	Web Design	1	1	1	1	-	1	1	6
6.	Welding	1	1	1	1	1	1	1	7
Jumlah		6	6	4	6	4	6	6	38

Pertandingan Kemahiran Panasonic

Pertandingan Kemahiran Panasonic merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh Syarikat Panasonic (M) Sdn. Bhd. dengan kerjasama CIIAST di mana CIIAST menyediakan tapak pertandingan. Pertandingan kali ini merupakan pertandingan kali yang ke-21 anjuran Panasonic Electronic Devices Malaysia Sdn. Bhd. (PEDMA) yang diketuai oleh En. Lim Chang Hiang telah diadakan pada 2 hingga 3 Julai 2010. Sembilan bidang kemahiran dipertandingkan dan melibatkan 173 orang peserta Syarikat Panasonic seluruh Malaysia. Bidang tersebut ialah *Production Inspection, Electronic Complex, Mechanical Complex, 3D CAD, Machining, Filing, PCB Assembly, Mechanical Drafting and Technical Illustration dan Injection Skill*.



Sekitar Pertandingan Kemahiran Panasonic

PENGANJURAN LATIHAN ANTARABANGSA

Statistik Latihan Antarabangsa

Unit Perancangan dan Pembangunan Latihan Antarabangsa di bawah Program PPL merupakan unit yang bertanggungjawab untuk memperluaskan latihan di peringkat antarabangsa dengan menganjurkan latihan dalam pelbagai bidang kemahiran serta bertindak mengukuhkan hubungan CIAST dengan negara jiran dan negara maju melalui kerjasama antarabangsa. Pada tahun 2010, CIAST telah melaksanakan lima kursus di bawah tiga program berasingan dengan penyertaan seramai 53 peserta (Jadual 13). Statistik permohonan dan penyertaan bagi program antarabangsa sepanjang tahun 2010 adalah seperti **Jadual 14**.

Jadual 13 : Statistik Latihan Antarabangsa Tahun 2010

Nama Program	Kursus / Bidang	Tarikh / Tempoh	Negara Peserta	Bil Peserta
ASEAN-Japan Human Resources Development (HRD) Collaboration Programme for CLMV Countries	Human Resources Development (HRD)	2 – 4 Ogos (3 hari)	Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam. Peserta Jepun dan Malaysia sebagai pemerhati.	11
Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia under - Third Country Training Programme (MTCP-TCTP)	- Automotive (Service Vehicle Electrical and Engine Management System) - Pedagogi - Internship	Kemahiran : 4 - 22 Okt (3 minggu) Pedagogi : 25 Okt - 12 Nov (3 minggu) Internship : 22 Nov – 31 Dis (6 minggu) Penilaian : 17 – 25 Jan 2011 (1 minggu)	Cambodia	8
	- Electrical (Electrical Installation) - Pedagogi - Internship		Cambodia	8
Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)	Vocational Training Management (VTM)	12 – 29 Oktober	Bangladesh, Cambodia, Indonesia, Laos, Nigeria, Philippines, Thailand, Uganda, Uzbekistan, Vietnam	14
	Effective Multimedia Development for Trainers (EMD)			12
Jumlah				53

(*MTCP-TCTP: Program tajaan bersama Kementerian Luar Negeri- KLN dan Japan International Cooperation Agency - JICA)

Jadual 14 : Statistik Permohonan dan Penyertaan Antarabangsa Tahun 2010

Nama Program	Statistik Permohonan			Statistik Terpilih		Bil Hadir
MTCP-TCTP (AUTOMOTIVE)	Bil Permohonan	12		Bil Terpilih	8	
	Bil Negara	1		Bil Negara	1	8
	Layak	12		Kapasiti	10	
MTCP-TCTP (ELECTRICAL)	Bil Permohonan	14		Bil Terpilih	8	
	Bil Negara	1		Bil Negara	1	8
	Layak	14		Kapasiti	10	
MTCP (VTM)	Bil Permohonan	37		Bil Terpilih	13	
	Bil Negara	12		Bil Negara	9	12
	Layak	35		Kapasiti	15	
MTCP (EMD)	Bil Permohonan	49		Bil Terpilih	14	
	Bil Negara	14		Bil Negara	9	14
	Layak	42		Kapasiti	15	
ASEAN-JAPAN HRD Collaboration Programme for CLMV	Bil Peserta				8	
	Bil Pemerhati				3	11
	Bil Negara				6	

CIAST telah melaksanakan program antarabangsa semenjak 1988 dan sehingga kini CIAST telah menganjurkan 55 kursus antarabangsa dengan 586 peserta dari pelbagai negara (**Jadual 15**).

Jadual 15 : Statistik Keseluruhan Latihan Antarabangsa Tahun 1988 – 2010

Nama Program		Kursus	Peserta
ART	(ASEAN Regional Training)	18	158
TCTP	(Third Country Training Program)	19	193
TTCP	(Trilateral Technical Cooperation Program)	1	20
MTCP	(Malaysian Technical Cooperation Program)	8	91
MTCP-TCTP	(Malaysian Technical Cooperation Program -Third Country Training Program)	5	58
JICA-JORDAN	(Strengthening the Capacity of Vocational Training Management of the Hashemite Kingdom of Jordan)	1	17
Lain-lain		3	49
Jumlah		55	586

ASEAN - Japan Human Resources Development (HRD) Collaboration Programme for CLMV Countries

Malaysia telah dipilih untuk melaksanakan Program Kerjasama ASEAN-JAPAN Human Resources Development (HRD) oleh Kerajaan Jepun berikutan kemampuan Malaysia sebagai salah satu negara ASEAN yang mempunyai program dan hala tuju pembangunan sumber manusia terutamanya, dalam aspek pembangunan latihan kemahiran. Sehubungan itu, JPK dan CIIAST telah diberi kepercayaan untuk melaksanakan program yang dianjurkan bersama Ministry of Health, Labour and Welfare (MHLW) Japan, The Association for Overseas Technical Scholarship (AOTS) Japan dan Kementerian Sumber Manusia dari 2 hingga 4 Ogos 2010 di CIIAST, Shah Alam. Program ini merupakan susulan daripada latihan di Jepun yang telah diadakan selama lima hari yang bermula dari 26 hingga 30 Julai 2010. Bilangan peserta adalah seramai 11 orang yang terdiri daripada dua peserta dari setiap negara CLMV (Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam), dua pemerhati dari Jepun dan seorang pemerhati dari Malaysia.

Tujuan program kerjasama ini adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta dari negara CLMV bagi mengukuhkan asas pembangunan sumber manusia di negara masing-masing. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK pada 2 Ogos 2010 di CIIAST Shah Alam dengan disertai oleh Pengarah CIIAST, wakil Kedutaan Jepun serta pegawai kanan KSM, JPK dan CIIAST. Majlis Penutup pula telah disempurnakan oleh Tuan Haji Ghazlan Ghazali, Pengarah CIIAST dengan dihadiri oleh pegawai kanan CIIAST di Hotel De Palma, Shah Alam pada 4 Ogos 2010.



Peserta CLMV sedang mengikuti Program Kerjasama ASEAN-JAPAN Human Resources Development (HRD)


Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia under Third Country Training Programme (MTCP-TCTP)

Seramai 16 peserta dari pelbagai institut teknikal dan vokasional di Cambodia telah menyertai program ini. Program kerjasama di bawah tajaan Kementerian Luar Negeri (KLN) (MTCP), JICA Malaysia (TCTP) dan JICA Cambodia ini telah dirangka khas atas permintaan kerajaan Cambodia bagi meningkatkan latihan kemahiran mengikut keperluan dan kemampuan sebenar negara mereka. Ia juga merupakan projek kerjasama selama tiga tahun dari tahun 2010 hingga 2012. Bagi tahun pertama pelaksanaannya, program ini hanya menumpu kepada dua bidang kritikal di Cambodia, iaitu Automotif (8 peserta) dan Elektrikal (8 peserta). Program ini telah dibahagikan kepada tiga bahagian latihan, iaitu kemahiran teknikal, internship dan penilaian mengajar merujuk kepada Rajah 1.



Peserta Cambodia sedang mengikuti latihan Automotive – Service Vehicle Electrical and Engine Management System

Rajah 1 : Jadual Program MTCP-TCTP 2010 TVET for Cambodia



Bahagian pertama program ini telah diadakan selama enam minggu di CIAST dari 4 Oktober hingga 12 November 2010 di mana peserta didedahkan dengan latihan kemahiran dan pedagogi yang komprehensif. Peserta juga didedahkan tentang industri dan latihan kemahiran Malaysia dengan melawat HICOM Automotive Manufacturer (Malaysia) Sdn. Bhd. Pekan Pahang, TNB Integrated Learning Solutions Sdn Bhd (ILSAS) Bangi Selangor, ILP Kuala Lumpur dan tempat-tempat menarik di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur.



Pegawai CIAST sedang menilai peserta Automotive di Industrial Technical Institute (ITI) Phnom Penh, Cambodia

Bagi menilai keberkesanan program ini, setiap peserta perlu menjalani latihan Internship di institut kemahiran di Cambodia bermula dari 22 November hingga 31 Disember 2010. Ia disusuli dengan sesi penilaian Internship di mana seramai empat pegawai CIAST telah mengadakan lawatan *Internship* ke Cambodia dari 16 hingga 25 Januari 2011. Ini merupakan kali pertama program seumpama ini dilaksanakan di CIAST.



Kunjungan hormat ke kedutaan Malaysia di Cambodia

Majlis Perasmian program ini telah diadakan pada 11 Oktober 2010 di Grand BlueWave Hotel Shah Alam dan telah dihadiri tetamu kehormat Y.B. Senator Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia dan seterusnya merasmikan majlis tersebut. Majlis ini juga turut dihadiri oleh Y.Bhg. Encik Tsutomu NAGAE, *Chief Representative* JICA Malaysia, ketua jabatan dan pegawai kanan Kementerian Sumber Manusia.



Y.B. Timbalan Menteri Sumber Manusia bersama peserta

Majlis Penyerahan Sijil dan Penutup pula telah disempurnakan pada 24 Januari 2011 di Hotel Sunway, Cambodia. Majlis turut dihadiri His Excellency Mr Tep Ouen, Deputy Director General, Ministry of Labor and Vocational Training (MLVT) Kingdom of Cambodia dan His Excellency Mr. Kobayashi Yukiharu, Senior Representative of JICA Cambodia.



Majlis Penyerahan Sijil dan Penutup di Hotel Sunway, Cambodia

Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP)

Pada tahun 2010, CIIAST telah melaksanakan dua kursus di bawah MTCP, iaitu Vocational Training Management (VTM) dan Effective Multimedia Development for Trainers (EMD) dari 12 hingga 29 Oktober 2010, iaitu selama tiga minggu. MTCP merupakan program yang menerima tajaan sepenuhnya daripada Kementerian Luar Negeri (KLN), Wisma Putra. Seramai 26 peserta dari 10 negara iaitu Bangladesh, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Nigeria, Filipina, Thailand, Uganda, Uzbekistan dan Vietnam telah mengikuti kursus ini.

Kursus VTM telah dirancang untuk memberi pendedahan kepada peserta untuk memahami konsep, struktur dan sistem latihan vokasional di Malaysia. Peserta juga diberi pendedahan tentang pembangunan sumber manusia bagi sesebuah institusi yang menjurus kepada pembangunan rancangan latihan vokasional mengikut keperluan negara masing-masing melalui perkongsian dan pertukaran idea sepanjang kursus. Manakala kursus EMD memberi pendedahan kepada peserta berkenaan teknik menghasilkan bahan pengajaran yang efektif dan interaktif menggunakan teknologi multimedia seperti penghasilan grafik, persembahan powerpoint, pengendalian kamera dan penyuntingan video. Para peserta turut berpeluang untuk melawat ke Limkokwing University of Creative Technology, Syarikat Two Tones Sdn Bhd, ADTEC Shah Alam dan tempat pelancongan yang menarik di sekitar Lembah Klang.



Peserta MTCP sedang mengikuti kursus VTM dan EMD di CIIAST

Majlis Perasmian MTCP 2010 telah diadakan secara sederhana pada 12 Oktober 2010 dan telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIIAST. Majlis Penutup MTCP pula telah diadakan pada 29 Oktober 2010 di Carlton Holiday Hotel, Shah Alam dan telah dihadiri oleh Y. Bhg. Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK dan seterusnya menyempurnakan majlis tersebut. Majlis ini turut dihadiri oleh pegawai kanan CIIAST dan wakil Kementerian Luar Negeri.



Peserta MTCP Bergambar Kenangan di Majlis Penutup bersama Dr. Pang Chau Leong (KPJPK), Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali (Pengarah CIIAST) dan Pegawai Kanan CIIAST

MAJLIS KONVOKESYEN CIAST

Majlis Konvokesyen CIAST 2010 telah diadakan pada 16 dan 17 Oktober 2010 di Auditorium CIAST, Shah Alam. Seramai 477 graduan telah menamatkan pengajian dengan jayanya mengikut bidang masing-masing. Daripada jumlah tersebut, 53 orang ialah graduan Diploma Lanjutan Pengajar Vokasional (DLPV) sesi 1/2008 bidang Teknologi Jaminan Mutu, Teknologi Kimpalan, Teknologi Mekatronik dan Teknologi Pengeluaran. Manakala untuk sesi 2/2008 graduan adalah dalam bidang Teknologi Komputer Rangkaian, Teknologi Elektrik dan Teknologi Telekomunikasi. Graduan Diploma Pengajar Vokasional (DPV) adalah seramai 132 orang dan 292 orang ialah graduan Sijil Pengajar Vokasional (VTO).

Majlis konvokesyen terbahagi kepada dua sesi. Sesi pertama telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dato' Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir, Pengarah Urusan Proton Holdings Berhad melibatkan 233 graduan dan sesi kedua telah

disempurnakan oleh Encik Azlan bin Abdullah Pengarah Eksekutif, Panasonic Electronic Devices Malaysia Sdn. Bhd. yang melibatkan 244 graduan.

Penerima Anugerah Khas pada majlis konvokesyen tahun ini ialah Abdul Rahim bin Muda graduan DPV bidang Teknologi Mekatronik. Anugerah ini adalah berdasarkan kepada sumbangan beliau yang telah mengharumkan nama CIAST dan negara melalui penyertaan ke Pertandingan Kemahiran Asean 2010 di Bangkok, memperolehi pingat emas di Pertandingan Kemahiran Malaysia 2009 dan mewakili CIAST ke Pertandingan Robocon dari tahun 2007 hingga 2009. Di antara anugerah yang diterima ialah Idea Terbaik pertandingan Robocon 2008 peringkat kebangsaan dan Johan Robocon Jabatan Tenaga Manusia tahun 2008.

Manakala Anugerah Graduan Terbaik telah diterima oleh Bushra binti Haron graduan DLPV sesi 2/2008, Mohd Zulfadhli bin Mohd Safee graduan DPV sesi 2/2006, Abdul Rahim bin Muda graduan DPV sesi 1/2007, Mohd Zuraini bin Marzuki graduan VTO sesi 1/2009, Mohd Shahrizal bin Mohd Isa sesi 2/2009, Mohd Amirrudin bin Ani sesi 3/2009 dan Nurakmal bin Nordin sesi 4/2009. Anugerah ini adalah penghargaan di atas pencapaian mereka yang cemerlang dalam latihan mereka.



Y. Bhg. Dato' Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir menyempurnakan sesi pertama



En. Azlan bin Abdullah menyempurnakan sesi kedua



Corat-corek Majlis Konvokesyen CIAST 2010

PROGRAM KELAYAKAN KEKOMPETENAN TENAGA PENGAJAR

Sistem Pelesenan Kelayakan Kekompetenan Tenaga Pengajar Kemahiran

Program Kelayakan Kekompetenan, CIIAST telah dipertanggungjawabkan dalam mengendalikan Sistem Pelesenan Kelayakan Kekompetenan Tenaga Pengajar Kemahiran. Sistem Pelesenan ini bukan sahaja dapat mengiktirafkan tenaga pengajar yang berkualiti malah dapat memantapkan lagi serta menambahbaik Sistem Jaminan Kualiti JPK sedia ada, terutama yang melibatkan elemen Personel Penilaian.

Selari dengan Teras Strategik Keempat kerajaan dalam RMKe-10 untuk mengarusperdanakan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional maka antara lain kerajaan telah mempergiat pelaksanaan pengiktirafan pengajar yang berpengalaman, berpengetahuan tinggi serta mahir untuk diperlesenkan mengikut gred kelayakan yang dimiliki sekaligus menjadi pemangkin untuk menggalakkan setiap pengajar meningkatkan tahap pengetahuan dan kemahiran dari masa ke masa.

Sejak pelesenan pengajar mula diperkenalkan, permohonan pengeluaran lesen kelayakan kekompetenan juga meningkat terutama dalam sektor Elektrik Elektronik, Teknologi Maklumat, Pemesinan dan Pengangkutan. Sehingga Disember 2010, sebanyak 1,452 permohonan diterima daripada pengajar kemahiran. Daripada jumlah tersebut, 795 pemohon atau 55% layak diberikan lesen kelayakan kekompetenan. Rujuk Jadual 16, Jadual 17 dan Jadual 18 serta Carta 6 dan Carta 7.

Jadual 16 : Permohonan Mengikut Sektor


Bil.	Sektor	Jumlah	Bil.	Sektor	Jumlah
1.	EE-Electric&Electronic	312	12.	SS-Souvenir & Small Enterprise	1
2.	IT- Information Technology	146	13.	BC-Building & Construction	62
3.	MC-Machinery & Equipment	421	14.	LE-Landscaping & Environmental	1
4.	ME-Mechanical & Electrical	72	15.	ID-Interior Decor	0
5.	TP-Transportation	246	16.	FB-Business Management	1
6.	MT-Material	4	17.	TA-Textile & Apparel	47
7.	PG-Packaging	10	18.	AF-Agriculture & Agrobased	7
8.	PR-Printing	17	19.	RB-Resource Based	24
9.	CM-Chemical	3	20.	BT-Biotechnology	1
10.	MP-Medical & Pharmaceutical	24	21.	ET-Education & Training Services	1
11.	HT-Hospitality & Tourism	51	22.	OT- Others	1
Jumlah Keseluruhan		1,452			

Jadual 17 : Jumlah Permohonan dan Pengeluaran Lesen Tenaga Pengajar


Permohonan		Diproses	Pengeluaran Lesen	
			Awam	Swasta
2009	910	910	312	117
2010	542	542	283	83
Jumlah	1,452	1,452	595	200

Jadual 18 : Statistik Pengeluaran Mengikut Sektor

Bil.	Sektor	KK1	KK2	KK3	KK4	Jumlah
1	EE	49	98	31	1	179
2	IT	17	37	14	0	68
3	MC	68	89	72	5	234
4	ME	14	20	8	2	44
5	TP	29	61	41	2	133
6	MT	0	4	0	0	4
7	PG	1	3	3	0	7
8	PR	1	3	0	0	4
9	CM	0	0	1	0	1
10	MP	2	8	3	3	16
11	HT	5	19	0	0	24
12	SS	0	1	0	0	1
13	BC	9	27	3	0	39
14	LE	0	0	0	0	0
15	ID	0	0	0	0	0
16	FB	0	1	0	0	1
17	TA	6	14	2	0	22
18	AF	0	6	0	1	7
19	RB	1	9	1	0	11
20	BT	0	0	0	0	0
21	ET	0	0	0	0	0
22	OT	0	0	0	0	0
Jumlah		202	400	179	14	795



Carta 6 : Pecahan Pengeluaran Lesen Pusat Bertauliah Awam dan Swasta



Carta 7 : Pecahan Pengeluaran Lesen Mengikut Gred KK

Pembangunan dan Pemurnian Soalan Penilaian

Sepanjang tahun 2010, Program Kelayakan Kekompetenan dengan kerjasama JPK Cyberjaya telah mengadakan 10 Siri Bengkel Pembangunan Bank Soalan di ESSET, Bangi dan juga di hotel-hotel felda. Sebanyak 12,392 soalan teori dan 332 soalan amali telah dibangunkan di mana melibatkan 43 bidang kemahiran Tahap 2 dan Tahap 3.



Bengkel pembangunan soalan penilaian


Penilaian Kelayakan Kekompetenan Tenaga Pengajar

Penilaian Kelayakan Kekompetenan Tenaga Pengajar dilaksanakan jika pemohon lesen KK tidak memenuhi syarat untuk penganugerahan lesen KK secara terus. Pada tahun 2010, penilaian ini telah dijalankan sebanyak enam kali di CIAST, Pejabat Wilayah Sarawak dan Pejabat Wilayah Sabah dengan jumlah calon yang menduduki penilaian seramai 93 orang. Daripada jumlah tenaga pengajar yang menduduki penilaian tersebut, 74% calon telah lulus Penilaian Kelayakan Kekompetenan.

Maklumat pelaksanaan penilaian dan peratus lulus penilaian KK rujuk Jadual 19 manakala kelulusan penilaian mengikut gred rujuk Carta 8

Jadual 19 : Jadual Pelaksanaan Penilaian dan Peratus Lulus Penilaian KK

Bil.	Pelaksanaan Tahun 2010	Bil. Calon	Bil. Lulus	Peratus Lulus
1	Mac	13	8	62
2	April	8	5	63
3	Jun	27	17	63
4	Ogos	21	15	71
5	Oktober	19	19	100
6	Disember	5	5	100
Jumlah		93	69	74 %



Carta 8 : Kelulusan Penilaian Mengikut Gred KK

Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliah (PPKSPP)

Perakuan Pengiktirafan Kelayakan Sebagai Personel Pentauliah (PPKSPP) bagi Pusat Bertauliah Awam dan Swasta adalah diuruskan sepenuhnya oleh Bahagian Pembangunan Kepakaran (PK) JPK, Cyberjaya. Walau bagaimanapun, bermula 1 Januari 2011 proses pengeluaran PPKSPP akan diambil alih oleh Program Kelayakan Kekompetenan, CIIAST.


Pengeluaran PPKSPP ini adalah melibatkan Personel Pentauliah JPK yang terdiri daripada Pengurus Pusat Bertauliah (PPB), Pegawai Pengesah Dalaman (PPD), Pegawai Penilai (PP), Pegawai Penilai – Pegawai Latihan Vokasional (PP-PLV), *Coach* Industri dan Pengajar Sistem Latihan Dual Nasional (P-SLDN)

Sehubungan itu, bagi memastikan proses peralihan berjalan dengan lancar, tiga orang pegawai daripada unit Kawalan Pengajar Kemahiran Program KK telah ditugaskan untuk mempelajari cara bagaimana pemprosesan PPKSPP dibuat dan dianggarkan sebanyak 300 borang permohonan perlu diproses setiap bulan. Latihan pemprosesan PPKSPP telah berlangsung di Bahagian PK, JPK Cyberjaya pada bulan Oktober 2010 yang dikendalikan oleh En. Zainuddin bin Mat Yunus dan dibantu oleh En. Chen Heng Ming menggunakan modul dalam Sistem e-JPK.

PEMBANGUNAN KAKITANGAN

Statistik Kursus

Pekeliling JPA Bil. 6/2005 menetapkan setiap kakitangan sekurang-kurangnya perlu menghadiri kursus selama tujuh hari setahun. Sepanjang tahun 2010, jumlah kakitangan menghadiri kursus adalah seperti Carta 9.




Carta 9 : Jumlah Kakitangan Menghadiri Kursus Tahun 2010

Sepanjang tahun 2010, pihak PPL telah merekodkan 134 kursus yang telah dihadiri oleh 211 orang kakitangan CIAST. Walaubagaimanapun, masih terdapat tiga orang kakitangan yang belum mencapai tempoh kursus selama tujuh hari setahun. Ini disebabkan oleh faktor kekangan masa dan pertindihan kerja yang membataskan kehadiran mereka berkursus (Jadual 20 dan Carta 10).


Bagi memastikan rekod latihan kakitangan lebih teratur dan bersistematik, setiap kakitangan CIAST dibekalkan dengan senaskah Buku Rekod Latihan bermula April 2010 untuk memudahkan kakitangan merekod setiap program latihan yang dihadiri.

Jadual 20 : Bilangan Kursus dan Peserta Tahun 2010

Program		Bilangan Kursus	Bilangan Peserta
Kursus Kemahiran	Dalam Negeri	89	531
	Luar Negeri		
Pentadbiran	Kewangan	7	12
	Stor / Aset	4	45
	Pengurusan	3	62
Bengkel/Seminar	Pengurusan	3	24
	Kemahiran	4	24
Kursus PTK		4	15
Kursus Induksi		5	11
Kursus BTN		2	6
Kursus Motivasi		5	51
Jumlah		133	850



Carta 10 : Bilangan Peserta Mengikut Teras



Penyertaan

**DALAM PERTANDINGAN
PERINGKAT NEGERI/
KEBANGSAAN/ANTARABANGSA**

PERTANDINGAN KEMAHIRAN MALAYSIA (PKM) KALI KE-19

CIAST telah menghantar peserta untuk menyertai PKM pada tahun ini. Pertandingan bermula pada 14 hingga 17 Oktober 2010 di beberapa lokasi pertandingan. Daripada 20 bidang yang dipertandingkan, hanya 16 bidang sahaja yang menyaksikan anugerah pingat emas manakala empat lagi bidang, iaitu *Electronics*, *Mechanical Engineering Drawing*, *Ladies and Man Hairdressing* dan *Web Design* tidak mempunyai peserta yang layak memenangi pingat emas. Peserta CIAST, iaitu Shamsudin bin Idris dan Wong Siew Yek telah memenangi pingat emas dalam bidang Mekatronik.



Peserta CIAST dalam bidang mekatronik

PERTANDINGAN KEMAHIRAN ASEAN KALI KELAPAN

Pertandingan Kemahiran ASEAN Kali Kelapan telah diadakan pada 19 hingga 22 November 2010 di Challenger Hall 1 dan 2, Impact Muang Thong Thani, Bangkok, Thailand. Seramai 222 orang peserta telah mengambil bahagian dalam 21 pertandingan dan satu acara demo. Dua orang pelajar CIAST, iaitu Shamsudin bin Idris dan Wong Siew Yek adalah antara peserta Malaysia yang menyertai pertandingan ini dalam bidang Mekatronik dan memenangi pingat gangsa.



*Sekitar Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal
ASEAN Skills Competition*



*Booth Malaysia yang menyertai pameran sempena
ASEAN Skills Competition*



Peserta CIIAST dalam bidang mekatronik



Peserta CIIAST menyertai Yalong Demonstration bidang mekatronik



Peserta Malaysia dalam bidang masing-masing



Sekitar Majlis Makan Malam bersama Timbalan Menteri Sumber Manusia di Hotel Dusit Thani, Bangkok



Pemenang pingat emas dan perak oleh peserta Malaysia



Pemenang pingat gangsa oleh peserta Malaysia

PERTANDINGAN ROBOCON 2010

CIAST telah menubuhkan satu pasukan bagi menyertai pertandingan ROBOCON 2010 yang telah diadakan di UKM, Bangi pada 27 Jun 2010 yang disertai seramai empat orang peserta yang diketuai oleh En. Ahmad Shukri bin Abd. Rahman dan telah mendapat tempat saguhati. Tujuan penyertaan aktiviti pertandingan adalah bagi membina daya saing tinggi dengan budaya kerja dan sikap yang cemerlang di samping kemahiran dan pengetahuan yang tinggi seperti yang dikehendaki oleh industri dalam proses melatih sumber tenaga mahir negara.


PERTANDINGAN KUMPULAN INOVASI DAN KREATIVITI (KIK) PERINGKAT NEGERI SELANGOR

Jika sebelum ini dikenali sebagai Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) tetapi tahun 2010, ianya telah dijenamakan sebagai Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK). Perubahan ini telah dilakukan kepada pelaksanaan sehingga kaedah penilaian dan ianya lebih tertumpu kepada nilai-nilai kreativiti dan inovasinya.

CIAST telah menubuhkan KIK bagi setiap program bagi menambah baik mutu perkhidmatannya. Pada tahun 2010, CIAST telah menghantar dua wakil kumpulan KIK ke Konvensyen KIK Sektor Awam Peringkat Negeri Selangor pada 26 hingga 27 Julai 2010 yang berlangsung di Dewan Auditorium Jubli Perak, Bangunan Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor, Shah Alam. Dua kumpulan tersebut ialah 'INFOTECH' bagi Kategori Pengurusan dan 'G8' bagi Kategori Teknikal. Kedua-dua kumpulan CIAST menerima hadiah saguhati daripada Y. B. Menteri Besar, Selangor.



Kumpulan Infotech dan G8 yang mewakili CIAST di dalam Konvensyen KIK Sektor Awam Peringkat Negeri Selangor.



Laporan

JAWATANKUASA KERJA

JAWATANKUASA PASUKAN PENGURUSAN KUALITI CIAST

Persijilan MS ISO 9001:2008

Persijilan MS ISO 9000 telah dianugerahkan kepada CIAST semenjak tahun 1999 oleh MAMPU, Jabatan Perdana Menteri dengan nombor pendaftarannya PA 0039. Persijilan ini adalah bagi pelaksanaan MS ISO 9001:1994. Pada tahun 2007, CIAST sekali lagi telah dipersijilkan dengan MS ISO 9001:2000 oleh SIRIM QS Berhad, Shah Alam sehingga Julai 2007.

Perubahan yang dilaksanakan di peringkat badan induk "*International Organization for Standard (ISO)*" pada tahun 2008 ialah menghasilkan satu standard pengurusan kualiti yang baru, iaitu ISO 9001:2008. Standard ini disediakan bagi memenuhi keperluan semasa. Justeru itu, CIAST tidak ketinggalan mengikut arus perdana antarabangsa dengan menyemak semula dan menyediakan dokumen baru mengikut keperluan ISO9001:2008 tersebut.

Pada 16 hingga 17 Ogos 2010, Audit Surveillances oleh Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA) mengesahkan bahawa dokumen ISO9001:2008 boleh digunapakai bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) CIAST dengan nombor pendaftaran sijil yang sama, iaitu KLR 6004728 dan tarikh luputnya adalah pada 14 Februari 2012. Logo ini boleh digunakan di dalam semua terbitan berbentuk maklumat latihan seperti nota, risalah promosi dan buku-buku terbitan CIAST.




JAWATANKUASA COMMUNITY AND EMPLOYMENT SUPPORT SERVICES (CESS)

CESS, unit yang ditubuhkan di institusi latihan dalam usaha meningkatkan tahap kebolehpekerjaan para pelajar dan membantu menempatkan para lulusannya di sektor pekerjaan yang sesuai sebaik sahaja tamat latihan. Tugas dan tanggungjawab unit CESS telah disusun dengan struktur kerja yang teratur bagi memastikan objektif penubuhan unit ini dilaksanakan dengan jayanya. Objektif utama unit ini ditubuhkan ialah :

- Membantu pelajar mendapatkan pekerjaan sebaik tamat latihan.
- Memperkukuh hubungan dan kerjasama yang baik dengan pihak Industri/majikan
- Meningkatkan tahap kebolehpekerjaan pelajar
- Membina hubungan baik dengan komuniti

Unit CESS di CIAST memiliki tanggungjawab tambahan, iaitu untuk mengembangkan idea dan aktiviti CESS kepada institusi latihan yang lain serta melatih tenaga pengajar tentang aktiviti berkaitan. Bagi menjayakan aspirasi CESS, ianya telah distrukturkan seperti berikut :-



Perkhidmatan Bimbingan Kerjaya

Merancang dan melaksanakan aktiviti untuk mendedah dan merangsang para pelajar supaya benar-benar bersedia menempuh alam pekerjaan.

5S/KAIZEN

Melaksanakan aplikasi 5S dan Kaizen di tempat kerja masing-masing serta melatih dan mendedahkan pelajar dengan sistem kualiti supaya keupayaan dan kebolehpekerjaan para pelajar meningkat dari segi merit dan kebolehan.

CUDBAS

CUDBAS ialah satu alat untuk membangunkan kurikulum latihan jangka pendek, carta keupayaan tenaga kerja (ability map) dan juga perancangan latihan. Ianya digunakan sebagai penghubung antara pusat bertauliah dengan pihak industri supaya wujud situasi menang-menang di mana industri menawarkan pekerjaan kepada pelajar institusi latihan dan institusi latihan menawarkan khidmat konsultasi CUDBAS kepada pihak industri.

Jadual 21 : Aktiviti Berkaitan CESS Pada Tahun 2010

Bil	Program	Aktiviti	Catatan
1	Penyebaran maklumat berkaitan CESS kepada tenaga pengajar	Konvensyen CESS (11 November 2010)	Disertai oleh pegawai CESS ILJTM, CIAST dan peserta pemantapan J41
2		Pembentangan kertas kerja berkaitan CESS dalam seminar Pengajar JPK (2 Ogos 2010)	Pengajar daripada pusat bertauliah awam dan swasta
3	Melaksanakan latihan CUDBAS kepada tenaga pengajar/industri	Memasukkan Modul CESS dalam kursus TM001 dan VTO	5 siri TM001 & 2 siri VTO Pemantapan J41
4		Seminar CESS	2 siri – pelajar dari program PPK
5		Kursus Asas CUDBAS Ke arah Memantapkan CESS	2 siri – 30 peserta dari pelbagai agensi awam.
6		Pengenalan CUDBAS	*Peserta MTCP dan TCTP *12 syarikat
7	Program kesedaran 5S / KAIZEN di CIAST	Kursus Perlaksanaan Amalan 5S	2 siri – 29 peserta
8		Kursus Amalan Persekitaran Berkualiti	21 peserta
9		Kursus Audit Dalaman Amalan Persekitaran Berkualiti	15 peserta
10	Melaksanakan aktiviti berkaitan bimbingan kerjaya	Kursus Komunikasi Berkesan	Pelajar dari program PPK
11		Pendaftaran pencari kerja di portal Jobs Malaysia	
12		Program Temuduga Terbuka	



Peserta yang menghadiri Seminar CESS di Auditorium CIAST

JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI

CIAST telah mewujudkan Jawatankuasa Pemandu Inovasi bagi menyelaraskan aktiviti inovasi agar ia menjadi satu budaya dan pengiktirafan kepada seluruh warga CIAST. Objektif jawatankuasa ialah :

- Menentukan dasar dasar dan strategi bagi menggalakkan penjana idea serta penyelidikan dan pembangunan (R&D)
- Menetapkan amalan dan proses yang menyokong peningkatan inovasi di peringkat CIAST
- Menyelaras dan memantau usaha-usaha pembudayaan inovasi yang turut merangkumi program latihan termasuk pemikiran kreatif
- Memberi pengiktirafan kepada warga CIAST yang menghasilkan inovasi
- Mempromosi dan berkongsi inovasi yang dihasilkan oleh warga CIAST

Pada tahun 2010, CIAST telah menyertai dua seminar yang berkaitan dengan inovasi untuk menggalak dan membudayakan inovasi di jabatan/agensi masing-masing yang dianjurkan oleh pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor dan Malaysia Productivity Corporation (MPC). Kursus Pemikiran Kreatif juga telah dianjurkan oleh CIAST untuk menyokong dan mewujudkan kesedaran serta budaya inovasi dan kreatif di kalangan warga CIAST dan kalangan pengajar latihan kemahiran.

CIAST juga dijemput terlibat dalam tiga pameran yang dianjurkan oleh SUK Negeri Selangor dan MOSTI pada Karnival Malaysia Inovatif 2010 Zon Tengah di Air Keroh, Melaka pada 13 hingga 14 November 2010, pameran semperna Majlis Konvokesyen ILJTM di Pusat Konvesyen, Taman Tamadun Islam, Terengganu pada 20 hingga 23 November 2010 dan pameran Karnival Malaysia Inovatif 2010 pada 24 hingga 26 2010 di Bukit Jalil. CIAST telah mempamerkan beberapa produk hasil inovasi warga dan pelajar sepanjang pameran ini seperti Smart Solar System, PIC Training Kid, Mini Mobile Robot dan hasil kerja kimpalan dalam Pertandingan MySkills. Penyertaan aktiviti pameran ini banyak memberi pendedahan dan pengalaman dalam proses mendapatkan idea dan mengetahui hala tuju

teknologi masa depan yang lebih mesra alam dan menjimatkan penggunaan sumber tenaga. Ia juga merupakan pendekatan baru pengiktirafan sektor awam yang memberi fokus kepada inovasi dan kreativiti selaras dengan agenda transformasi negara bagi mengiktiraf agensi yang terbukti berjaya meningkatkan penyampaian perkhidmatan berdasarkan inovasi yang benar-benar signifikan dan berimpak tinggi.

JAWATANKUASA PENGURUSAN ADUAN PELANGGAN

CIAST telah menyediakan kemudahan kepada pelanggan untuk membuat aduan mengenai perkhidmatan yang disediakan. Aduan CIAST diterima melalui Sistem Pengurusan Call-Centre (SPCC), Borang Aduan Pelanggan (BK-P02-01) dan e-mail aduan. Jenis aduan dikategorikan sebagai aduan, pertanyaan dan cadangan.

Pada tahun 2010, CIAST menerima 10 kes aduan/ pertanyaan (Jadual 22). Secara keseluruhannya aduan/ pertanyaan yang diterima oleh CIAST telah dapat diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan.

Jadual 22 : Statistik Aduan / Pertanyaan/ Cadangan Bagi Tahun 2010

Bil	Kategori	Jumlah Diterima	Selesai
1.	Aduan	4	4
2.	Pertanyaan	6	6
3.	Cadangan	-	-
Jumlah		10	10

JAWATANKUASA PROMOSI

Jawatankuasa Promosi telah mengadakan beberapa aktiviti promosi bagi menyebarkan maklumat berkaitan program latihan yang dijalankan di CIAST. Jawatankuasa ini telah menyertai pameran sempena seminar, majlis konvoksyen, pertandingan kemahiran dan sebagainya yang dianjurkan oleh lain-lain agensi mahu pun CIAST sendiri. Taklimat ke sekolah juga turut diadakan selain menerima kunjungan daripada pelajar sekolah bagi mengetahui bidang kemahiran yang ditawarkan di samping melihat sendiri kemudahan yang disediakan oleh CIAST. Jadual 23 menunjukkan aktiviti Jawatankuasa Promosi sepanjang tahun 2010.

Jadual 23 : Aktiviti Jawatankuasa Promosi Tahun 2010

Tarikh	Aktiviti
3 Ogos 2010	Mengadakan Promosi Sempena Seminar Pengajar Pusat-Pusat Bertauliah di Auditorium CIAST pada melibatkan 3 orang ahli Jawatankuasa Promosi.
15 Oktober 2010	Mengadakan Promosi Seminar CEO Pusat-Pusat Bertauliah. Program ini dirasmikan oleh Dato' Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.
15 – 17 Oktober	Mengadakan Promosi Sempena Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM). Program ini dirasmikan oleh Senator Dato' Maznah Timbalan Menteri Kementerian Sumber Manusia.
16 – 17 Oktober 2010	Mengadakan Aktiviti Promosi Sempena Majlis Konvokesyen CIAST dirasmikan oleh Dato' Haji Syed Zainal Abidin bin Syed Mohamed Tahir Pengarah Urusan Proton Berhad bagi sidang pertama. Turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Pengarah CIAST serta Ketua-ketua Jabatan yang lain.
1 November 2010	Menerima lawatan sambil belajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Tuanku Ja'afar 71450 Sg. Gadut, Negeri Sembilan seramai 40 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 bagi bidang Teknologi Kejuruteraan. Encik Mohd Noor bin Menhad telah menerangkan serba sedikit berkaitan dengan bidang Teknikal yang pihak CIAST jalankan.
9 November 2010	Menerima kunjungan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kelang Utama, Kelang ke CIAST. Seramai 42 orang pelajar dan 2 orang guru telah hadir dengan tema "Lawatan Teknologi". En. Faherinizam Russali selaku Setiausaha telah mengadakan sedikit taklimat berkaitan dengan organisasi dan program yang dijalankan di CIAST dengan dibantu oleh 2 orang ahli yang lain.
13 – 14 November 2010	Mengadakan Promosi Pameran Inovasi bagi memeriahkan lagi Program Karnival Malaysia Inovatif 2010 Zon Tengah di MITC Melaka. Seramai 4 orang Jawatankuasa Inovasi telah melibatkan diri.
20 – 23 November 2010	Mengadakan Promosi Sempena Majlis Konvokesyen Institut-Institut Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM) bertempat di Tamadun Islam Kuala Terengganu, Kuala Terengganu bertemakan Inovasi, Kreativiti dan Robotik. Seramai 5 orang ahli terlibat menjayakan program ini dengan bantuan dari Jawatankuasa Inovasi CIAST. Majlis ini dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia.
24 – 26 November 2010	Mengadakan Promosi sempena Festival Malaysia Inovatif 2010 bertempat di Kompleks Sukan Bukit Jalil dibawah pengurusan Kementerian Sumber Manusia. Pameran dan Promosi ini melibatkan Jabatan-Jabatan di bawah KSM dan juga Kementerian lain. Majlis penutup Festival MI2010 ini disempurnakan oleh Y.A.B Dato' Sri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.



Aktiviti Promosi CIASST

JAWATANKUASA KEMUDAHAN DAN HOSPITALITI

Kemudahan dan Hospitaliti merangkumi perkhidmatan kafeteria, kemudahan asrama, bilik kuliah dan makmal komputer. Perancangan aktiviti untuk jawatankuasa ini adalah seperti **Jadual 24**.

Jadual 24 : Perancangan Aktiviti Jawatankuasa Kemudahan dan Hospitaliti Tahun 2010

Bil.	Kemudahan / Hospitaliti	Perancangan
1.	Kafeteria	Perbincangan untuk meningkatkan kualiti makanan dan perkhidmatan sajian untuk mesyuarat dan aktiviti dalaman CIASST Menyediakan jadual pengujian makanan pelajar oleh AJK
2.	Asrama	Menyediakan kemudahan menempah bilik secara online Mengiklankan kemudahan asrama dalam website
3.	Komputer & Internet	Mengenalpasti lokasi yang boleh menerima wireless
4.	Bilik Kuliah	Mengenalpasti cara penggunaan bilik kuliah melalui kaedah perkongsian pintar Perbincangan bersama Ketua Program Mengenalpasti bilangan dan kapasiti muatan Bilik-bilik diklasifikasikan kepada bilik mesyuarat, bilik kuliah dan makmal komputer Dua orang urus setia akan menguruskan penempahan bilik bagi setiap program

UNIT PERTOLONGAN CEMAS BAGI JAWATANKUASA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (JKKP) CIAST

Unit Pertolongan Cemas merupakan salah satu unit di bawah Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan CIAST (Carta 11).

Carta 11 : Struktur Jawatankuasa Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan CIAST



Ahli Unit Pertolongan Cemas telah dilantik pada 21 April 2010 bagi memenuhi prosidur Manual Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (MKKP) (**Jadual 25**). Perlantikan ahli telah dibuat berdasarkan pemilihan mengikut program dan kedudukan pejabat bertujuan dapat memberi bantuan awal kecemasan kepada semua mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan yang berlaku di CIAST.

Jadual 25 : Senarai Nama Penolong Cemas Tahun 2010

Bil.	Nama Penolong Cemas	Program	No. Tel. Samb.
1.	Marsita bt. Abdul Kadir (Ketua Unit)	PPL	8271
2.	Saidi bin Zain (Penolong Ketua Unit)	PPK	8227
3.	Yusri bin Pardi (Setiausaha)	PPL	8202
4.	Mahani bt. Mokthar	PPL	8271
5.	Rozita bt. Mohammad Rashid	PPL	8271
6.	Muhammad Hasnusi bin Hashim	PEM	8276
7.	Faherinizam bin Russali	SPD	8333
8.	Siti Rosnida bt. Zakaria	KK	8224
9.	Asiah bt. Selaman	KP	8243
10.	Rahmat bin Omar	KP	8220
11.	Rizwan bin Md. Sabri	PPK	8274
12.	Norisah bt. Bunyamin	PPK	8262
13.	Khairuddin Azmi bin Rejab	PPK	8293
14.	Shyamsul Ibrahim bin Arrifin	PEM-Warden (L)	8355
15.	Wan Nor Asliza bt. Wan Ismail	KP- Warden (P)	8363

AKTIVITI TAHUN 2010

Mesyuarat Unit Pertolongan Cemas

Mesyuarat Unit Pertolongan Cemas telah dijalankan sekurang-kurang dua kali setahun. Ahli-ahli telah diberi penerangan mengenai tugas dan kalendar perancangan aktiviti unit ini sepanjang tahun 2010.

Pemeriksaan Bilik Sakit CIAST

Pada 28 Jun 2010, Ketua Unit Pertolongan Cemas bersama beberapa ahli pertolongan cemas dan penyelia asrama telah membuat pemeriksaan bilik sakit CIAST. Pihak CIAST telah menyediakan empat bilik sakit bagi kemudahan kakitangan dan pelajar-pelajar CIAST. Lokasi bilik sakit tersebut terletak di Blok K (1 bilik lelaki) , N (1 bilik perempuan) dan R (1 bilik lelaki, 1 bilik perempuan).

Pembelian dan Edaran Peti Pertolongan Cemas

Unit Pertolongan Cemas yang telah diberi tanggungjawab bagi menyediakan kemudahan dan peralatan pertolongan cemas CIAST dan telah memohon pembelian peti pertolongan kecemasan melalui pembentangan kertas kerja yang telah diluluskan dalam mesyuarat yang diadakan pada 13 Mei 2010. Pembelian 30 unit peti pertolongan cemas telah buat pada 20 Jun 2010 dan telah diedarkan pada bulan Ogos mengikut keperluan setiap ruangan pejabat, bengkel, bilik sakit dan asrama pelajar.



Penyerahan peti pertolongan cemas kepada wakil setiap program

Kursus Asas Pertolongan Cemas

Kursus asas pertolongan cemas bagi ahli semua ahli pertolongan cemas telah diadakan pada 5 hingga 6 Ogos 2010 bertempat di bilik Mesyuarat Terbilang. Ini adalah untuk memenuhi syarat kelayakan perantikan sebagai penolong cemas di mana sekurang-kurangnya mereka perlu menghadiri dan lulus Kursus Pertolongan Cemas Asas dan CPR dari mana-mana organisasi yang diiktiraf oleh kerajaan merujuk kepada MKKP: CIAST- PKKP-06, Perkara 5.2.2.


Semua ahli telahpun berjaya ditauliahkan Sijil Pertolongan Cemas (Asas), Sijil Kehadiran Pertolongan Cemas Asas (PCA) Tahap 1 dan kad keahlian Persatuan Bulan Sabit Malaysia. Pemegang kad ini adalah layak untuk memberi bantuan awal kecemasan kepada semua mangsa kemalangan atau keadaan kecemasan pada orang awam di dalam Malaysia.



Aktiviti yang dijalankan semasa kursus pertolongan cemas



Kad keahlian Bulan Sabit Merah Malaysia



Bahagian

KHIDMAT PENGURUSAN

PENGURUSAN PERSONEL

Pengstrukturkan Semula Perjawatan

Waran perjawatan CIAST terkini berjumlah 294 jawatan (**Jadual 26**). Beberapa jawatan fleksi telah diluluskan bagi tempoh dua tahun pada 7 April 2010 bertujuan mengisi kekosongan dan keperluan sebagai tenaga pengajar bagi jawatan seperti berikut:

- 78 jawatan PLV Gred J43/44 kepada PLV Gred J41/42/J43/44
- 50 jawatan PPLV Gred J37/38 dan 23 jawatan PPLV Gred J35/36 kepada PPLV Gred 29/30/J35/36/J37/38

CIAST telah menerima empat orang pegawai PLV Gred J42, enam orang PLV Gred J41, empat orang PPLV Gred J36 (M) dan tiga orang Gred J29.



Jadual 26 : Kedudukan Waran Perjawatan CIAST Pada 31 Disember 2010

Bil	Kod Waran	Jawatan	Gred	Bil. Jawatan		
				Lulus	Isi	Kosong
1	882(a)	Pegawai Latihan Vokasional	Utama C	1	1	0
2	882(b)	Pegawai Latihan Vokasional	J54	2	2	0
3	882(d)	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M52	1	1	0
4	882(c)	Pegawai Latihan Vokasional	J51/52	5	5	0
5	882(e)	Pegawai Teknologi Maklumat	F48	1	1	0
6	710, 883	Pegawai Latihan Vokasional	J47/48	60	49	11
7	883(a)	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1	1	0
8	(919)(a)	Pegawai Latihan Vokasional	J43/44	78	35	43
9	884(b)	Pegawai Teknologi Maklumat	F41	4	4	0
10	884(a)	Akauntan	W41	1	1	0
11	(922)(a)	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J37/38	50	39	11
12	887(a)	Penolong Pegawai Tadbir	N36	1	1	0
13	(922)(a)	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J35/36	23	23	0
14	887(b)	Penolong Akauntan	W32	1	1	0
15	889(a)	Penolong Pegawai Tadbir	N27/32	2	2	0
16	717	Juruteknik	J22	1	1	0
17	891(a)	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	N22	1	1	0
18	718	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W22	1	1	0
19	894(a)	Ahli Fotografi	B17/18/ B21/22	1	0	1
20	893(a)	Pereka	B17/18/ B21/22 (P)	1	1	0
21	895(a)	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional	J17/21/22	3	3	0
22	903(a)	Juruteknik	J17/22	8	8	0
23	896(a)	Pembantu Tadbir (Perkeranian Operasi)	N17/22	10	10	0
24	900(a)	Pembantu Tadbir (Pegawai Khidmat Pelanggan)	N17/22(KP)	1	1	0
25	725	Pembantu Tadbir(Penyelenggara Setor)	N17/22(PS)	1	1	0
26	891(b)	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17/22/32	1	1	0

27	897(a)	Pembantu Tadbir(Kesetiausahaan)	N17/N22(KS)	2	2	0
28	899(a)	Pembantu Tadbir (Penyelia Asrama)	N17/N22(P)	2	2	0
29	904(a)	Penjaga Jentera Elektrik	R17/22	2	2	0
30	902(a)	Pembantu Perpustakaan	S17/22	1	1	0
31	901(a)	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17/22	2	2	0
32	906(a)	Operator Mesin Prosesan Data	F11/14	2	1	1
33	905(a)	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11/14	10	3	7
34	907(a)	Tukang K2	R11/22	2	2	0
35	735	Pembantu Am Pejabat	N4	1	1	0
36	909(a)	Pemandu Kenderaan	R3/6	2	2	0
37	911(a)	Pembantu Am Pejabat	N1/4	6	5	1
38	912(a)	Pekerja Awam	R1/4	2	2	0
Jumlah Keseluruhan				294	219	75
Peratus Pengisian Jawatan					74%	

Pertukaran Keluar

Terima kasih dan setinggi penghargaan kepada kakitangan yang telah bertukar keluar dari CIAST disebabkan oleh pemansuhan jawatan dan atas sebab kepentingan perkhidmatan. Pecahan pertukaran mengikut gred adalah seperti Jadual 27.

Jadual 27 : Pertukaran Keluar Pegawai dan Kakitangan CIAST Tahun 2010

Bil.	Jawatan	Gred	Nama Penyandang
1.	Pegawai Latihan Vokasional	J47/48	Azli Amin bin Ahmad Salleh bin Hamidon Wan Fadzilah bt. Wan Dagang Ruziah bt. Abdullah Roshaniza bt. Mat Hashim Ahmad Iskandar bin Sulaiman Noor Azita bt. Bakar

2.	Pegawai Latihan Vokasional	J43/44	Suhaila bt. Mohd. Noor Zabri bin Daud Raja Muhammad bin Raja Daud Zahari bin Zin Hasfanorbitahayati bt. Ibrahim Star Kamaruldzaman bin Mohamed Khairul Anuar bin Salleh Mohd. Azrul bin Jaafar Olivia anak Rayeq Rosmaini bt. Dollah Tn. Kamal bin Tn. Aziz Mazlysham bin Mohamed Ahmad Khairilnizam bin Mohd. Dahari Reza Hanif bin Darhaman Erlina bt. Basharudin Halimanton bt. Ishak Huzaifah bt. Hassan Laily bt. Abu Samah Muhammad Azlan bin Khalili Muhammad Asnoor bin Abdul Abbas Noor Rezawati bt. Abd. Rahman Nicholas anak Bali Wak anak Rimba Mohd. Sharulnizam bin Razali Haslizawati bt. Jasad Markhuza bt. Mokhtar Zaimah bt. Mu Fatimah bt. Othman Rosli bin Kkar Noor Saidi bin Mohd. Noor Bizaisham bin Bidin Nik Hanizan bin Nik Mat @ Nik Hassan
3.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J37/38	Nadiahtulakmar bt. Kamarudin Shiadri bt. Salleh @ Aman Mohd. Aidil Fitri bin Ab. Razak
4.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J35/36	Mohammad Fauzi bin Ahmad
5.	Pembantu Tadbir (P/O)	N22	Haniza bt. Ariffin
6.	Pembantu Pegawai Latihan Vokasional	J17	Normah bt. Jusoh
	Pembantu Tadbir (P/O)	N17	Siti Norliza bt. Mohd. Yusuf Wan Zainab bin Nawang Asmahani bt. Said Nor Syahida bt. Baharudin Sharifah Noor Suriati bt. Syed Abdul Rahman Nurul Amirah bt. Abdul Samad Wan Nor Farahan bt. Abdul Wahab Norhaslina bt. Mohd. Halmi Yap Ai Choo

Pertukaran Masuk/Penempatan Baru

Seramai 39 orang kakitangan baru telah melaporkan diri bertugas di CIAST bagi mengisi kekosongan perjawatan seperti berikut:

PLV Gred J52	1 orang	PLV Gred J42	1 orang
PLV Gred J48	4 orang	PPLV J38	1 orang
Peg. Tek. Maklumat F48	1 orang	PLV J36	4 orang
PLV Gred J44	4 orang	PPLV Gred J29	3 orang
Peg. Tek. Maklumat F44	1 orang	Pen Peg. Tadbir N36	1 orang
Peg. Tek. Maklumat F41	2 orang	Pem. Tadbir N22	1 orang
Akauntan W41	1 orang	Pem. Tabdir N17	6 orang
PLV Gred J41	6 orang	Pem. Am Pej. N1	2 orang

Kenaikan Pangkat

Pengurusan CIAST mengucapkan tahniah dan syabas kepada kakitangan CIAST yang telah dinaikan pangkat dan diwartakan pada tahun 2010 (**Jadual 28**). Semoga mereka dapat mengekalkan kecemerlangan perkhidmatan di jawatan yang baru.

Jadual 28 : Senarai Pegawai dan Kakitangan Yang Diwartakan Kenaikan Pangkat Tahun 2010

Bil.	Jawatan	Gred	Tawaran Jawatan	Nama Penyandang
1.	Pegawai Latihan Vokasional	J43/44	J48	Nor Azua bt. Ariffin Nor Azita bt. Bakar Hamimah bt. Mamat Sayed Salim bin Sayed Mohd. Nor
2.	Pegawai Latihan Vokasional	J41/42	J44	Muhammad Hasnusi bin Hasim Rozaida bt. Zainon @ Md. Ali Razidah bt. Sagap
3.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J37/38	J42 (M)	Mohd. Ozahir bin Mat Palal Azaudin bin Adzmin @ Azmin Zaini bin Mat Wazir
4.	Penolong Pegawai Latihan Vokasional	J35/36	J38	Norhaslina bt. Abu Hassan Mohd. Naser bin Salleh Faherinizam bin Rusaali Ahmad bin Che Deraman Azizah bt. Abd. Hamid
5.	PT (Kesetiausahaan)	N22	N28	Kasmalaila bt. Mohd. Salleh
6.	PT (Kesetiausahaan)	N17	N27	Ismaziela bt. Ismail Haslinda bt. Mohd. Sani

Pegawai Berhenti

Sepanjang tahun 2010, hanya seorang kakitangan, iaitu Pn. Haslizawati bt. Jasad, Pegawai Latihan Vokasional Gred J44 telah meletakkan jawatan atas sebab-sebab peribadi. Pihak pengurusan mengucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih sepanjang perkhidmatan beliau di CIAST.

Penempatan Secara Pentadbiran

Kementerian Sumber Manusia telah meluluskan penempatan pegawai secara pentadbiran demi kepentingan perkhidmatan dan keperluan organisasi. Butiran penempatan secara pentadbiran adalah seperti **Jadual 29**.

Jadual 29 : Penempatan Pegawai dan Kakitangan CIAST Keluar

Bil.	Gred	Waran	Operasi	Nama
1.	J47/48 (M)	SPD	JPK	Surinah bt. Siron
2.	J43/44	KK	KSM	Ahmad Fahmi bin Abdullah Rahim
3.	J43/44 (M)	KK	JPK Wilayah Timur	Mohamad bin Ngah
4.	J37/38	PPL	MOSQ	Noorhafizah bt. Abdullah
5.	J37/38	KK	JPK	Fazlynda bt. Abd. Halim
6.	J37/38	PPK	JPK HQ	Norazuri bin Yusoff
7.	J37/38	SPD	JPK	Nor Dalimawati bt. Mohd. Ali
8.	J37/38	SPD	JPK	Zeti Akhtar bt. Mohamad
9.	J17/22	KP	ILP Bukit Katil	Faeza bt. Hamzah

Penghargaan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada pegawai dan kakitangan CIAST yang telah dipilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Bagi Tahun Perkhidmatan 2009 (**Jadual 30**). Keazaman untuk meneruskan kesungguhan ketabahan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab perlu diterapkan bagi meneruskan kecemerlangan perkhidmatan awam.



Antara pegawai CIAST yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang

Jadual 30 : Senarai Nama Penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Tahun Perkhidmatan 2009

Bil.	Nama	Gred Jawatan
1.	Daud bin Jonit	PLV J52
2.	Nor Ayana bt. Mokhtar	PLV J48
3.	Zulkifli bin Mohd. Sidi	PLV J48
4.	Mohamad Asrofi bin Muslim	PLV J48 (M)
5.	Nor Azua bt. Arifin	PLV J48 (M)
6.	Mohd. Zaini bin Mat Wazir	PPLV J38
7.	Norakma bt. Nawawi	PPLV J38
8.	Mohd. Bukhori bin Ahmad	PPLV J38
9.	Hanizah bt. Muhammad Ghazali	PPLV J36
10.	Nazariah bt. Halid	PPLV J36
11.	Nor Salfaiza bt. Fadzil	PPLV J36
12.	Salim bin Amil	PPLV J36
13.	Kasma Laila bt. Mohd. Salleh	PT(KS) N22
14.	Noorasyikin bt. Othman	Pembantu Perpustakaan N17
15.	Gafaar bin Musar	JTK J17
16.	Rozita bt. Selaman	PT(P/O) N17
17.	Norhasmah bt. Mohammad	PPLV J17
18.	Ghaffar bin Senin	PRA R1



Arahan Pengurusan CIAST

Arahan Pengurusan yang telah dikeluarkan mulai 17 September 2009 hingga 31 Januari 2010 bagi menambahbaik dan menyelaraskan pelaksanaan sistem pengurusan dengan lebih teratur dan sistematik (**Jadual 31**).

Jadual 31 : Senarai Arahan Pengurusan CIAST Tahun 2010

Bil.	Arahan Pengurusan CIAST	Tarikh Kuatkuasa
1.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 1/2009 Peraturan Penggunaan Kad Perakam Waktu	17.9.2009
2.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 2/2009 Tuntutan Elaun Perjalanan Dan Tuntutan Elaun Pakar/Panel/Pensyarah/Penceramah Sambilan (Kerajaan dan Swasta) Bagi Tujuan Tugas Rasmi	22.10.2009
3.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 3/2009 Prosedur Menghadiri Kursus Dalam Perkhidmatan	13.11.2009
4.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 1/2010 Penyediaan Nota Serah Tugas Jawatan	4.1.2010
5.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 2/2010 Pengurusan Cuti Rehat Kakitangan CIAST	13.1.2010
6.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 3/2010 Penyediaan Sasaran Kerja Tahunan Individu Dan Laporan Nilai Prestasi Tahunan	18.1.2010
7.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 4/2010 Prosedur Perolehan Terus Bekalan / Kerja / Perkhidmatan CIAST	29.1.2010
8.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 5/2010 Pemakaian Tanda Nama	2.2.2010
9.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 6/2010 Polisi ICT CIAST	11.2.2010
10.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 7/2010 Prosedur Pengurusan Aset Alih Kerajaan Di CIAST	8.3.2010
11.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 8/2010 Pelaksanaan Penggunaan MyID Pada Semua Aplikasi Sistem	29.3.2010
12.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 9/2010 Garis Panduan Tindakan Keatas Sokongan Yang Diterima Bagi Sesuatu Urusan Kerajaan	9.4.2010
13.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 10/2010 Dasar Pusingan Kerja Jabatan Pemb. Kemahiran	3.5.2010
14.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 11/2010 Keperluan Pegawai Pengganti Ketika Bercuti	20.5.2010
15.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 12/2010 Laporan Mesyuarat	20.5.2010
16.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 13/2010 Peraturan Kelulusan Keluar Negara	9.6.2010
17.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 14/2010 Kelulusan Kerja Lebih Masa, Bayaran Kerja Lebih Masa Dan Cuti Gantian	14.6.2010
18.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 15/2010 Prosedur Tempahan Makanan di CIAST	12.7.2010
19.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 16/2010 Pemantauan Penyelenggaraan mengikut Zon	23.7.2010
20.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 17/2010 Penggunaan 'Walkie Talkie' Ketika Menjalankan Tugas	23.7.2010
21.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 18/2010 Polisi Penginapan Asrama CIAST	28.7.2010

22.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 19/2010 Peraturan Asrama CIAST	28.7.2010
23.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 20/2010 Penghargaan Pekerja Cemerlang Bulanan	6.8.2010
24.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 21/2010 Tenggungjawab Penyeliaan Dan Laporan Salahlaku Pegawai	6.8.2010
25.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 22/2010 Penggunaan Slip Pergerakan Dokumen	18.8.2010
26.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 23/2010 Penyediaan Minit Mesyuarat	26.8.2010
27.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 24/2010 Kebenaran Pekerjaan Luar	30.8.2010
28.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 25/2010 Kenyataan Berbaur Perkauman	3.9.2010
29.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 26/2010 Kebenaran Untuk Meninggalkan Pejabat dalam Waktu Bekerja	7.9.2010
30.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 27/2010 Perlupusan Harta diketogerikan sebagai Buangan Terjadual	19.10.10
31.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 28/2010 Perhimpunan Bulanan CIAST	19.10.10
32.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 29/2010 Penggunaan Pelekat Kenderaan CIAST	30.12.2010
33.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 30/2010 Pelaksanaan Aplikasi eMinit CIAST	30.12.2010
34.	Arahan Pengurusan CIAST Bil. 31/2010 Pelaksanaan ehadiran dengan Menggunakan Sistem Perakam Waktu Elektronik	30.12.2010

PENGURUSAN KEWANGAN

Pada tahun 2010, CIAST telah diperuntukan sebanyak RM22,593,581.00 di bawah belanja mengurus berbanding RM12,532,483.00 pada tahun 2009. Bagi peruntukan pembangunan, CIAST telah menerima RM7,052,924.00. Jadual 32 menunjukkan peruntukan dan prestasi perbelanjaan.

Jadual 32 : Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Tahun 2010

Peruntukan	Peruntukan Kemaskini	Perbelanjaan	Prestasi Perbelanjaan
Mengurus	RM22,593,581.00	RM23,309,163.09	98.74%
Pembangunan	RM7,052,924.00	RM6,917,077.56	98.07%

KEMUDAHAN PENGINAPAN ASRAMA CIAST

Kemudahan asrama CIAST telah dinaik taraf mulai tahun 2009 di bawah RMKe-9 dan telah siap pada tahun 2010. Perubahan kemudahan asrama sebelum dan selepas naik taraf adalah seperti Jadual 33. Statistik penghuni asrama adalah seperti Jadual 34. Kadar bayaran bilik asrama seperti Jadual 31.

Jadual 33 : Kemudahan Asrama Sebelum dan Selepas Naik Taraf


Perkara	Sebelum	Selepas
Jumlah bilik	314	314
Bilik satu katil (seorang sebilik)	31	162
Bilik dua katil (dua orang sebilik)	283	114
Bilik eksekutif	0	38
Bilik eksekutif 'single bed'	0	17
Bilik eksekutif 'queen bed'	0	21
Jumlah katil	597	428

Jadual 34 : Statistik Penghuni Asrama Tahun 2010

Penghuni bilik eksekutif	242 orang
Kumpulan pemantapan J41	103 orang
Pedagogi (JTM/KBS/JKM/KDN)	143 orang
Pedagogi NITP	57 orang
Peserta kursus <i>modular</i>	341 orang
Pelajar DLPV/SKM+T3/VTO	415 orang
Jumlah	1,301 orang

Jadual 35 : Kadar Bayaran Bilik Asrama

Bilik (1 katil)	RM20.00 (1 malam)
Bilik (2 katil)	RM20.00 (1 malam)
Bilik Eksekutif	RM50.00 (1 malam)



Laporan

MAKMAL DAN KAJIAN

NATIONAL KEYS ECONOMIC AREA (NKEA)

Makmal National Keys Economic Area (NKEA) Education telah diadakan pada 1 Jun 2010 hingga 31 Julai 2010 selama dua bulan di Akademi MAS Kelana Jaya yang melibatkan melibatkan 1000 penyertaan daripada kakitangan awam dan swasta. Kementerian Sumber Manusia juga turut terlibat secara langsung dalam Makmal NKEA ini dengan menghantar wakil, iaitu Puan Zuraini bt. Muda dan Puan Rosmaria bt. Che Yeh dari Jabatan Pembangunan Kemahiran untuk menyertai makmal tersebut.

Makmal NKEA adalah bertujuan untuk menghasilkan *Economic Transformation Program* (ETP) Roadmap. ETP adalah satu usaha komprehensif yang akan mentransformasikan Malaysia ke arah sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Ia akan meningkatkan pendapatan negara kasar (PNK) per kapita Malaysia dari lebih kurang AS\$6,700 atau RM23,700 pada 2009 ke lebih daripada AS\$15,000 atau RM48,000 pada 2020. Dengan itu, ia memacu kemajuan negara ke tahap yang sama dengan negara-negara berpendapatan tinggi yang lain.



Skills Training Team bersama KSU KSM, Yg. Bhg Datuk R. Segarajah, dan KP JPK, Dr. Pang Chau Leong di makmal NKEA Education pada Hari Terbuka Bersama PM

ETP Roadmap yang telah dilancarkan pada 25 Oktober 2010 yang lepas adalah berpegang kepada 12 Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEAs) yang berpotensi tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi dan menyumbang secara langsung terhadap peningkatan ekonomi negara iaitu ;

- Minyak, Gas, dan Tenaga
- Minyak Sawit
- Perkhidmatan Kewangan
- Pelancongan
- Perkhidmatan Perniagaan
- Elektronik dan Elektrikal
- Pemborongan dan Peruncitan
- Pendidikan
- Penjagaan Kesihatan
- Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi
- Pertanian
- Greater Kuala Lumpur / Klang Valley

ETP Roadmap mengandungi 16 bab yang mana JPK terlibat secara langsung dalam bab ke 14 iaitu di bawah NKEA Education. Untuk NKEA Education terdapat 13 Entry Point Projects (EPP) ataupun projek permulaan dan EPP5; Scaling Up Private Skills Training Provision adalah satu projek ataupun usaha jabatan dalam mengarusperdanakan latihan kemahiran di Malaysia selari dengan keperluan yang telah digariskan dalam RMke-10 bab 5, iaitu Membangun dan Mengekalkan Asas Tenaga Mahir Bertaraf Dunia. Untuk maklumat lanjut sila layari laman sesawang www.pemandu.gov.my.



Pengarah CIAS, Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali dan Timbalan Pengarah CIAS, Tn. Hj. Jamil bin Yahya dan Tn. Hj. Omar bin Jusoh turut hadir ke makmal NKEA semasa hari Terbuka Bersama PM

KEBERKESANAN WRITTEN INSTRUCTIONAL MATERIAL (WIM)

Laporan ini adalah merupakan ringkasan daripada hasil penemuan melalui kaji selidik yang telah dibuat ke atas 71 responden terdiri daripada pengajar Program Pembangunan Kemahiran (PPK) dan juga pelajar CIAST DLPV dan DPV sesi 2/2008 dan sesi 1/2009 bagi melihat sejauh mana keberkesanan WIM yang dibangunkan oleh Unit Pembangunan Bahan Pembelajaran CIAST mulai tahun 2008/2009. Secara amnya, laporan ini memfokuskan kepada status penggunaan, keberkesanan kandungan dan permintaan terhadap keperluan WIM di CIAST.

Pengenalan

WIM merupakan bahan pembelajaran utama dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ia juga bertujuan untuk membantu memastikan Objektif Modul yang ditetapkan tercapai daripada maklumat Kertas Penerangan (*Information Sheet*), Kertas Tugas (Assignment Sheet) dan Kertas Kerja (Worksheet). Sekiranya terdapat kekurangan pada kandungan WIM dan penggunaannya di tahap minimum maka sesi pembelajaran dan pengajaran tidak akan berjalan dengan lancar. Program PPL CIAST telah merangka satu kaji selidik agar sedikit sebanyak memberi maklumat yang dapat membantu menangani masalah penggunaan WIM ini. Beberapa persoalan yang telah dikenalpasti telah diajukan kepada responden melalui borang soal selidik yang telah diedarkan. Antara persoalan yang diajukan adalah dari segi maklumat umum yang merangkumi jantina, sesi kemasukan ke CIAST, latar belakang institut, pendidikan dan kemahiran serta bidang yang diambil di CIAST. Selain itu, maklumat berkaitan WIM juga diperolehi melalui soal selidik ini antaranya adalah di mana responden mendapatkan WIM tersebut, sumber rujukan nota sebelum menggunakan WIM, kesesuaian kandungan WIM dengan teknologi

semasa, penggunaan WIM sebagai bahan rujukan utama dalam pengajaran/pembelajaran dan keperluan WIM sebagai bahan rujukan.

Latar Belakang Kajian

Semasa menyampaikan pengajaran dalam bidang kemahiran, cabaran bagi mendapatkan maklumat yang terkini dan mencukupi adalah sangat sukar. Buku dan bahan komersial yang diterbitkan sering kali gagal memenuhi keperluan secara khusus bagi latihan. Oleh kerana itu, kaedah yang terbaik untuk menyediakan bahan-bahan latihan adalah dengan membangunkan bahan pengajaran bertulis itu sendiri yang disesuaikan dengan program latihan di Pusat Bertauliah (PB) masing-masing.

Metodologi Kajian

Kaedah yang digunakan bagi mendapat maklumat adalah dengan menggunakan borang soal selidik (Questionnaire) secara 'census', iaitu salah satu daripada sepuluh kaedah untuk mendapatkan sampel bagi mewakili populasi jumlah responden yang telah menggunakan WIM sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran semasa di CIAST. Sebanyak 71 borang soal selidik telah diedarkan dan telah diterima untuk dianalisa.

Analisa Data

Borang kaji selidik yang sudah diisi akan diproses dan dianalisa menggunakan perisian SPSS (*Statistical Proseses for Social Sciences*). Statistik-statistik yang dikeluarkan akan dikaji berdasarkan soalan-soalan yang diutarakan dalam borang soal selidik tersebut. Soalan-soalan yang dikemukakan adalah lebih menjurus kepada objektif utama kajian seperti yang dinyatakan di dalam laporan. Analisa data-data dipersembahkan dalam bentuk jadual menggunakan pengukur-pengukur statistik yang sesuai untuk menggambarkan data-data tersebut. Perisian SPSS menghasilkan keputusan awal seperti jadual dan carta di mana ianya perlu diperkemas lagi dengan teori-teori dan penemuan-penemuan terdahulu yang berkaitan. Kaedah 'statistik deskriptif' ini digunakan untuk mengenalpasti kekerapan dan peratusan yang diperolehi dari maklumat-maklumat yang terkumpul.

Responden Kajian

UPBP telah pun mengedarkan sebanyak 121 keping borang soal selidik kepada pengajar, dan pelajar DPV dan DLPV CIIAST sesi 2/2008 dan 1/2009. Sehingga tarikh akhir yang diberikan, jumlah responden yang mengembalikan borang kajiselidik adalah seramai 71 orang, iaitu sebanyak 59.17%.

Piawaian dan Saiz Sample (n)

Mengikut sumber dari *“Education & Psychological Measurement (1970)” Vol. 30 pg. 607-610*, menetapkan saiz sampel (n) ialah 15% daripada jumlah populasi (N). Saiz sampel bagi kajian ini adalah melebihi daripada standard yang ditentukan, iaitu sebanyak 59.17%, maka adalah sah digunakan bagi mewakili keseluruhan populasi kajian.

Keputusan/Penemuan Kajian

Penemuan kajian ditunjukkan jadual yang lebih jelas dan tepat. Melalui kaedah ini, sesuatu kesimpulan dapat dibuat terhadap keberkesanan penggunaan WIM yang telah dibangunkan pada tahun 2008/2009.

Maklumat Umum

Daripada 71 responden yang telah disoalselidik, beberapa penemuan dan analisis telah dibuat bagi melihat maklumat berkaitan jantina, pekerjaan dan latar belakang pendidikan serta institut yang berkaitan. Beberapa faktor yang dilihat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 36.

Maklumat WIM

Kajian maklumat WIM telah menunjukkan sebelum pembangunan standard WIM, nota pengajar adalah bahan rujukan utama yang digunapakai untuk nota pembelajaran, iaitu sebanyak 35.2%. Manakala 52 orang (73.2%) responden memperolehi WIM daripada pengajar sebagai sumber rujukan. Responden juga telah memberi maklumbalas setuju sebanyak 67.6% bahawa WIM diperlukan dalam membantu pelajar / pengajar semasa sesi pembelajaran dan menjimatkan masa. Jadual 37 menunjukkan maklumat WIM.

Kandungan WIM

Hasil daripada soal selidik yang dijalankan ke atas responden, dapat dikenalpasti sebilangan besar daripada mereka iaitu sebanyak 34 orang (47.9%) menyatakan kandungan WIM mengikut teknologi terkini. Maklumat lanjut berkaitan kandungan WIM dinyatakan seperti Jadual 38.

Jadual 36 : Maklumat Umum Responden

Bil	Perkara	Status
1	Bilangan Responden Mengikut Jantina	Lelaki : 47 (66.2%) Perempuan : 24 (33.8%)
2	Bilangan Pekerjaan	Pengajar : 38 (53.5%) Pelajar : 33 (46.5%)
3	Latar Belakang Institut	Awam : 66 (93%) Swasta : 3 (4.2%) Tidak dijawab : 2 (2.8%)
4	Latar Belakang Pendidikan	Sijil : 2 (2.8%) Diploma : 53 (74.6%) Ijazah Sarjana Muda : 11 (15.5%) Ijazah Sarjana : 4 (5.6%) Tidak dijawab : 1 (1.4%)
5	Latar Belakang Kemahiran	SKM 1 : 2 (2.9%) SKM 2 : 3 (4.35%) SKM 3 : 20 (28.6%) SKM 4 : 16 (22.9%) SKM 5 : 15 (21.4%) Lain-lain : 14 (20%)
6	Bidang Kemahiran di CIAST	Jaminan Kualiti : 6 (8.5%) Mekatronik : 14 (19.7%) Komputer Rangkaian : 15 (21.1%) Komputer Sistem : 2 (2.8%) Automotif : 3 (4.2%) Telekomunikasi : 1 (1.4%) Pengeluaran Plastik : 1 (1.4%) Elektronik Industri : 2 (2.8%) Peralatan : 11 (15.5%) Kimpalan : 12 (16.9%) Lain-lain : 3 (4.2%) Tidak dijawab : 1 (1.4%)

Jadual 37 : Maklumat WIM

Bil	Perkara	Status
1	Sumber rujukan WIM	Pengajar : 52 (73.2%) UPBP CIAST : 5 (7%) Unit NOSS JPK : 5 (7%) Lain-lain : 7 (9.9%) Tidak dijawab : 2 (2.8%)
2	Bilangan sumber rujukan sebelum menggunakan WIM	Internet : 5 (7%) Buku rujukan : 14 (19.7%) Nota Pengajar : 25 (35.2%) Majalah : 2 (2.8%) Lain-lain : 4 (5.6%) Internet/Buku rujukan : 17 (23.9%) Nota pengajar Inernet/Nota pengajar/Majalah : 2 (2.8%) Buku rujukan/Nota pengajar : 1 (1.4%) Tidak dijawab : 1 (1.4%)

3	WIM membantu semasa pengajaran/pembelajaran	Amat setuju : 7 (9.9%) Setuju : 41 (57.7%) Tidak pasti : 20 (28.2%) Tidak setuju : 3 (4.2%)
4	Peratus WIM membantu semasa pengajaran/pembelajaran	81% - 100% : 6 (8.5%) 61% - 80% : 26 (36.6%) 41% - 60% : 19 (26.8%) 21% - 40% : 13 (18.3%) <20% : 6 (8.5%) Tidak dijawab : 1 (1.4%)
5	Penggunaan WIM menjimatkan masa pengajaran/pembelajaran	Amat setuju : 7 (9.9%) Setuju : 41 (57.7%) Tidak pasti : 20 (28.2%) Tidak setuju : 3 (4.2%) Tidak dijawab : 1 (1.4%)

Jadual 38 : Kandungan WIM

Bil	Perkara	Status
1	Kandungan WIM bersesuaian dengan teknologi terkini	Setuju : 34 (47.9%) Tidak pasti : 23 (32.4%) Tidak setuju : 11 (15.5%) Amat tidak setuju : 3 (4.2%)
2	Bilangan Kandungan WIM TIDAK bersesuaian dengan teknologi terkini	81% - 100% : 1 (1.4%) 61% - 80% : 7 (10%) 41% - 60% : 27 (38.6%) 21% - 40% : 13 (18.6%) <20% : 8 (11.4%) Tidak dijawab : 14 (20%)
3	Kandungan WIM menepati tempoh latihan	Amat setuju : 1 (1.4%) Setuju : 38 (53.5%) Tidak pasti : 26 (36.6%) Tidak setuju : 5 (7%) Amat tidak setuju : 1 (1.4%)
4	Soalan Assignment Sheet sesuai dengan tahap pengajaran/pembelajaran	Amat setuju : 46 (64.8%) Setuju : 19 (26.8%) Tidak pasti : 4 (5.6%) Tidak setuju : 1 (1.4%) Amat tidak setuju : 1 (1.4%)
5	Latihan amali di dalam Work Sheet sesuai dengan tahap pengajaran/pembelajaran	Amat setuju : 1 (1.4%) Setuju : 46 (64.8%) Tidak pasti : 20 (28.2%) Tidak setuju : 3 (4.2%) Amat tidak setuju : 1 (1.4%)
6	Perkakasan Tools, Equipment dan Material sesuai dengan peralatan sedia ada di bengkel	Setuju : 34 (47.9%) Tidak pasti : 24 (33.8%) Tidak setuju : 12 (16.9%) Amat tidak setuju : 1 (1.4%)

7	Gambarajah di dalam WIM bersesuaian dengan teknologi terkini	Amat setuju : 2 (2.8%) Setuju : 34 (47.9%) Tidak pasti : 25 (35.2%) Tidak setuju : 8 (11.3%) Amat tidak setuju : 1 (1.4%) Tidak dijawab : 1 (1.4%)
---	--	---

Keperluan WIM

Seramai 48 orang responden, iaitu 63.9% bersetuju bahawa WIM diperlukan sebagai bahan rujukan utama untuk pengajaran/pembelajaran. Taburan keperluan penggunaan WIM secara terperinci adalah seperti Jadual 39.

Jadual 39 : Keperluan WIM

Bil	Perkara	Status
1.	Keperluan WIM sebagai bahan rujukan utama pengajaran/pembelajaran	Amat setuju : 9 (12.7%) Setuju : 39 (54.9%) Tidak pasti : 14 (19.7%) Tidak setuju : 7 (9.9%) Amat tidak setuju : 2 (2.8%)
2.	Penggunaan WIM sebagai bahan rujukan	81% - 100% : 6 (8.5%) 61% - 80% : 26 (36.6%) 41% - 60% : 19 (26.8%) 21% - 40% : 13 (18.3%) <20% : 6 (8.5%)
3	WIM yang dibekalkan digunakan sepenuhnya	Ya : 41 (57.7%) Tidak : 27 (38%) Tidak dijawab : 3 (4.2%)

Cadangan

Berdasarkan kepada statistik dan juga penemuan yang telah diperolehi, berikut dikemukakan beberapa cadangan bagi memantapkan lagi keberkesanan proses pengajaran/pembelajaran di CIAST pada masa akan datang. Langkah-langkah cadangan yang disyorkan untuk tindakan pelaksanaan peringkat pengurusan CIAST adalah seperti di bawah :

- Membuat penambahbaikan kandungan WIM (perlu disemak dari masa ke semasa)
- Memastikan kandungan WIM bersesuaian dengan teknologi terkini dan peralatan sedia ada di bengkel
- Memperbanyakkan gambarajah dan simulasi di dalam WIM
- Membuat penyelarasan kepada semua program supaya format yang digunakan mengikut standard JPK sebelum digunakan

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, jurnal ini menerangkan dengan lebih jelas mengenai penemuan yang diperolehi hasil daripada soal selidik dan juga pemerhatian yang dibuat ke atas responden yang berkaitan dengan kandungan dan keperluan WIM yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Seramai

63.9% responden menyatakan bahawa WIM diperlukan sebagai bahan rujukan utama mereka. Sementara itu, 36.6% responden pula menyatakan bahawa peratus penggunaan WIM sebagai bahan rujukan pembelajaran adalah sebanyak 61% - 80%. Data penggunaan WIM yang dibekalkan digunakan sepenuhnya oleh responden pula menunjukkan lebih daripada separuh (57.7%). Dengan itu, melalui kajian ini telah membuktikan bahawa WIM adalah bahan yang diperlukan sebagai sumber rujukan utama bagi sesi pengajaran/pembelajaran. Melalui penyelarasan kandungan standard ini, ianya dapat membantu penyelarasan pengajaran/pembelajaran dikalangan pengajar dan pelajar di CIAST.

KAJIAN KEPERLUAN TENAGA PENGAJAR MENGIKUT BIDANG KEMAHIRAN OLEH PUSAT BERTAULIAH

Latar Belakang

Berdasarkan Pelan Induk Kemahiran Pekerjaan Malaysia (PIPKPM, 2008-2020), antara cabaran dan isu yang telah dikenalpasti dalam merealisasikan pembangunan tenaga kerja mahir dan perspektif penyelia latihan dan pelatih ialah masalah tenaga pengajar yang kurang kompeten atau kurang mahir dalam bidang teknikal.

Latihan dan kemahiran tenaga pengajar teknikal dalam bidang kemahiran teknikal di industri perlu diperkasakan dari semasa ke semasa kerana secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan kualiti graduan bidang teknikal. Sehubungan itu, untuk melahirkan graduan yang berkualiti tenaga pengajar perlulah mempunyai kemahiran mengajar yang baik supaya pengajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Mulai tahun 2008, CIAST telah menjalankan Kursus Sijil Pengajar Vokasional (I-031-3) yang mana ia bertujuan untuk mengatasi keperluan tenaga pengajar di institusi latihan kemahiran, terutamanya Pusat Bertauliah (PB). Melalui program ini, mereka yang telah mengikuti latihan kemahiran boleh mengikuti kursus Sijil Pengajar Vokasional bagi melayakkan mereka dilantik sebagai tenaga pengajar di mana-mana PB yang menjalankan bidang kemahiran yang berkaitan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti keperluan tenaga pengajar mengikut bidang kemahiran oleh institusi latihan kemahiran, terutamanya PB swasta di Malaysia. Ianya dilaksanakan dengan mengenalpasti latar belakang bidang kemahiran pemegang Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) yang ingin menyambung pengajian Kursus Sijil Pengajar Vokasional (I-031-3) di CIAST supaya mereka yang tamat kelak akan mendapat pekerjaan sebagai tenaga pengajar di PB.

Responden


Reponden yang terlibat di dalam kajian ini ialah PB yang memohon lepasan pelajar Sijil Pengajar Vokasional dan juga Pusat Bertauliah yang menawarkan tempat untuk Latihan Internship selama enam bulan kepada pelajar Sijil Pengajar Vokasional (I-031-3). Responden ini dikenalpasti melalui penerimaan surat, e-emel atau panggilan telefon yang telah direkodkan.

Keputusan dan Perbincangan

Tenaga Pengajar Mengikut Bidang Kemahiran

Daripada tahun 2009 hingga 2010, sebanyak 136 pusat bertauliah telah membuat permohonan untuk mendapatkan senarai nama pelajar lepasan Sijil Pengajar Vokasional daripada pelbagai bidang kemahiran. Kebanyakan pusat bertauliah ini terletak di Lembah Kelang, iaitu Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor.

Carta 12 menunjukkan 37 bidang kemahiran yang mendapat permintaan daripada pusat bertauliah. Daripada 37 bidang ini, 22 buah pusat bertauliah telah memohon pelajar lepasan Sijil Pengajar Vokasional yang mempunyai latar belakang kemahiran di dalam bidang elektrik. Ianya diikuti dengan automotif di mana sebanyak 10 PB telah memohon tenaga pengajar. Seterusnya, bidang penyamanan udara dan penyejukbekuan dan sistem maklumat di mana masing-masing, sebanyak lapan buah pusat bertauliah telah memohon tenaga pengajar di dalam bidang kemahiran ini.



Carta 12: Statistik Bidang Kemahiran Yang Mendapat Permintaan Daripada Pusat Bertauliah

Jadual 40 menunjukkan bahawa sebanyak tujuh buah pusat bertauliah memohon graduan VTO bidang teknologi mekatronik manakala enam buah pusat bertauliah memohon dalam bidang teknologi elektronik.

Bagi bidang seperti refleksologi, jahitan, kaunter hadapan dan housekeeping tidak banyak permintaan daripada PB di mana masing-masing hanya satu sahaja PB yang memohon tenaga pengajar di dalam bidang ini. Faktor ini berlaku berkemungkinan bidang ini tidak banyak ditawarkan oleh PB, terutamanya PB swasta di sekitar Lembah Kelang. Walau bagaimanapun, dari segi penempatan internship ianya tidak begitu sukar untuk mendapatkan tempat.

Jadual 40 : Permohonan Pusat Bertauliah Terhadap Graduan VTO Mengikut Bidang Kemahiran

Bil.	Bidang Kemahiran	Bilangan Pusat Bertauliah
1	Penyejukbekuan dan Penyaman Udara	8
2	Teknologi Telekomunikasi	3
3	Sistem Komputer	5
4	Pembuat Pakaian. Wanita	5
5	Komputer Multimedia	5
6	Sistem Maklumat	8
7	Refleksologi	1
8	Penyediaan Makanan	5
9	Penyediaan Makanan dan Minuman	4
10	Elektrik	22
11	Jahitan	1
12	Pereka Grafik	1
13	Bakery	3
14	Teknologi Pengeluaran	3
15	Teknologi Mekatronik	7
16	Mekanikal	3
17	Teknologi Kimpalan	4
18	Teknologi Elektronik	6
19	Komputer Rangkaian	2
20	Pengaturcaraan	1
21	Pramusaji	1
22	Pastry	5
23	Penyedia Roti	1
24	Juruestetik	3
25	Jurukecantikan	2
26	Pendandan Rambut	2
27	Automotif	10
28	Pembuatan	1
29	Jurukerja Paip	2
30	Perhotelan	3
31	Perabot	1
32	Housekeeping	1

33	Teknologi Jaminan Mutu	2
34	Pelancongan	2
35	Kaunter Hadapan	1
36	Pelukis Pelan Mekanikal	1
37	Pelukis Pelan Senibina/Awam	1
JUMLAH		136


Kajian menunjukkan bahawa bidang kemahiran seperti teknologi pengeluaran, teknologi jaminan mutu serta mekanikal merupakan bidang yang mempunyai permintaan yang agak terhad dan hanya PB tertentu sahaja yang menawarkan kursus di dalam bidang kemahiran ini kerana bidang kemahiran ini memerlukan kemudahan latihan yang berteknologi tinggi. Ini menyebabkan permintaan tenaga pengajar di dalam bidang kemahiran ini hanya melibatkan dua atau tiga PB sahaja.

Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat bidang kemahiran yang kurang mendapat permintaan daripada PB seperti pelukis pelan mekanikal, pelukis pelan senibina/awam, perabot dan pengaturcaraan. Bidang kemahiran ini amat sukar untuk menempatkan pelajar bagi menjalani latihan internship, terutamanya bagi PB swasta. Faktor ini berlaku kerana bidang kemahiran ini tidak banyak dijalankan oleh PB swasta kerana graduan yang tamat di dalam bidang ini adalah sukar untuk mendapatkan pekerjaan di industri.

Bidang Kemahiran Keutamaan

Daripada keputusan di atas, dirumuskan bahawa terdapat 13 bidang kemahiran yang menjadi keutamaan PB. Carta 13 menunjukkan peratus keperluan bidang kemahiran keutamaan bagi pusat bertauliah. Terdapat 13 bidang kemahiran keutamaan bagi pusat bertauliah yang telah dikenalpasti. Sebanyak 23.4 peratus daripada PB memilih lepasan bidang elektrik sebagai tenaga pengajar. Bidang automotif menjadi bidang keutamaan kedua yang mana 10.6 peratus daripada 98 buah PB memilih tenaga pengajar di dalam bidang ini. Manakala 8.5 peratus masing-masing memilih lepasan bidang penyejukbekuan dan penyamanan udara serta sistem maklumat sebagai tenaga pengajar di PB mereka. Bidang teknologi elektronik menyumbang 6.4 peratus permintaan daripada PB.

Kajian juga menunjukkan bahawa empat bidang kemahiran (sistem komputer, pembuat pakaian wanita, pastri dan penyediaan makanan) menyumbang 5.3 peratus permintaan bagi bidang kemahiran keutamaan bagi PB. Akhir sekali, 4.3 peratus daripada PB memilih teknologi kimpalan dan penyediaan makanan dan minuman sebagai bidang kemahiran keutamaan untuk menawarkan pekerjaan sebagai tenaga pengajar.



Carta 13: Peratus Keperluan Bidang Kemahiran Keutamaan Pusat Bertauliah


Kesimpulan

Daripada kajian di atas dapatlah dirumuskan bahawa bidang elektrik adalah bidang kemahiran yang paling tinggi mendapat permintaan tenaga pengajar daripada PB. Ia kemudiannya diikuti dengan bidang automotif, penyejukbekuan dan penyamanan udara dan sistem maklumat.

Cadangan

Kajian ini dapat membantu di dalam mengenalpasti latar belakang bidang kemahiran yang akan digunapakai untuk menawarkan Sijil Pengajar Vokasional (I-031-3) kepada pemegang Sijil Kemahiran Malaysia Tahap Tiga dan ke atas. Walaubagaimanapun, kajian ini adalah terhad di mana hanya meliputi jumlah PB yang memohon secara terus lepasan pelajar Sijil Pengajar Vokasional daripada CIAST. Untuk mendapat hasil yang lebih baik di dalam kajian ini dicadangkan bahawa satu kaji selidik dilakukan terhadap PB.





Penerbitan **CIAST**

PENERBITAN CIAST

Direktori Tenaga Pengajar Kemahiran Pemegang Kelayakan Kekompetenan Jabatan Pembangunan Kemahiran Tahun 2009

Direktori ini merupakan senarai tenaga pengajar kemahiran JPK yang memegang Lesen Kelayakan Kekompetenan mengikut bidang kemahiran merangkumi 22 sektor industri di Malaysia. Tujuan penerbitan direktori ini adalah sebagai dokumen rujukan kepada pusat bertauliah untuk memudahkan carian personel pemegang lesen KK mengikut bidang dan gred kelayakan yang diiktiraf oleh JPK sekaligus pemantauan dan pengawalan terhadap kualiti pengajar di pusat bertauliah dapat diselarasakan.

Panduan Pembinaan Item Latihan Kemahiran

Buku Panduan Pembinaan Item Latihan Kemahiran disediakan untuk dijadikan garis panduan dan penyelarasan dalam membina soalan latihan dan skema jawapan yang berkualiti supaya ianya sahih, bolehpercayaan serta mencakupi. Panduan ini juga memberi maklumat yang sistematik dan komprehensif kepada semua pembina item yang terlibat dalam membina item latihan kemahiran agar ianya memenuhi dan mencapai kehendak NOSS dan industri semasa.

Buletin Pengajar

Buletin Pengajar yang diterbitkan oleh Program Kelayakan Kekompetenan adalah merupakan himpunan sumbangan idea dan petikan sumber oleh ketua-ketua jabatan, ketua-ketua program dan pegawai-pegawai peringkat pengurusan tertinggi JPK mengenai latihan kemahiran. Buletin edisi 2010 ini adalah langkah permulaan program KK untuk menyampaikan maklumat dan perkongsian ilmu mengenai aktiviti serta berita berkaitan latihan kemahiran kepada semua pengajar kemahiran pusat bertauliah. Ianya selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan dan mengarusperdanakan latihan kemahiran negara agar lebih kompetitif dan sentiasa relevan.

Buku Laporan Tahunan CIAST 2009

Buku laporan tahunan CIAST 2009 telah diterbitkan pada Mac 2010 bertujuan untuk menyalurkan maklumat dan prestasi pencapaian CIAST sepanjang tahun 2009. Antara maklumat yang terkandung di dalam buku laporan tersebut ialah transformasi CIAST, pencapaian CIAST, kejayaan CIAST dan sebagainya.



Prospectus Capacity Development Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia in Malaysia

Prospektus ini diterbitkan sempena Program Capacity Development Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia in Malaysia yang diadakan di CIAST di bawah Third Country Training Program (TCTP). Prospektus ini mengandungi maklumat berkaitan dengan objektif program, deskripsi program, persijilan, peraturan kursus dan lain-lain maklumat.

Buku Peraturan Tatatertib dan Akademik Pelajar

Buku Peraturan Tatatertib dan Akademik Pelajar ini mengandungi maklumat mengenai peraturan am institut, peraturan tatatertib, peraturan akademik dan garis panduan Jawatankuasa Tatatertib.

Buku Panduan Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Multimedia - 2010.

Buku ini diterbitkan sebagai panduan kepada peserta kursus Effective Multimedia Development (EMD) for Trainers anjuran CIAST dan JPK. Kandungan buku ini lebih menfokuskan kepada panduan penyediaan kandungan power point EMD, pengenalan kepada Sony SoundForge dan sebagainya.

Kalendar Latihan 2010 Kursus Jangka Pendek


Kalendar latihan ini diterbitkan bagi menyalurkan maklumat berkaitan kursus-kursus jangka pendek yang dianjurkan oleh CIAST pada tahun 2010. Kalendar-kalendar latihan ini diedarkan kepada Pusat-pusat Bertauliah yang berdaftar dengan JPK. Kalendar ini juga mengandungi maklumat pegawai untuk dihubungi serta maklumat CIAST.

Buku Program MySkills 2010

Buku program ini dikeluarkan sempena Pertandingan MySkills 2010 yang mengandungi maklumat CIAST, latar belakang pertandingan, syarat-syarat dan prosidur permohonan, permorkahan dan penganugerahan pingat, jadual pertandingan dan sebagainya.

Bahan Pengajaran Bertulis (Written Instructional Materials – WIM)

WIM merupakan dokumen yang disediakan oleh pengajar untuk kegunaan pelajar bagi membantu proses pengajaran dan pembelajaran serta memastikan objektif modul yang ditetapkan bagi setiap modul tercapai. Pada tahun 2010, sebanyak 11 WIM telah diterbitkan oleh Unit Pembangunan Bahan Latihan, PPL. WIM tersebut adalah bagi program Jurutera Jaminan Kualiti (H-301-5), Jurutera Mekatronik (H-175-5), Jurutera Elektrik (C-051-5), Jurutera Komputer Rangkaian (D-051-5), Eksekutif Latihan Vokasional (I-031-4), Jurutera Komputer Sistem (D-041-5), Pengurus Automotif (P-080-5), Jurutera Telekomunikasi (D-210-5), Pengurus Pengeluaran Plastik (J-020-5), Jurutera Elektronik Industri Peralatan (E-030-5) dan Jurutera Peralatan (H-095-5).



Aktiviti

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR CIAST

AKTIVITI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR CIAST

AHLI MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR SESI 2010/2011

Ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi Sesi 2010/2011 terdiri daripada pelajar DLPV yang di ketuai oleh Mohd Khairul Asymawi bin Suhaimi sebagai Presiden MPP.

Naib Presiden (Lelaki)	- Mohd Ashuni bin Mohd Taib
Naib Presiden (Perempuan)	- Nor Eliany bt. Shafii
Bendahari	- Ahmad Siddiqi bin Ghazlan
Setiausaha	- Nuraisyah bt. Ismail
Exco Kebajikan	- Nurul Aini bt. Romli
Exco Disiplin	- Mohd Hafiz bin Hassan
Exco Agama	- Mohd Arif bin Mohd Taha
Exco Sukan & Kebudayaan	- Mohd Hisyam bin Basiron

Aktiviti Tahun 2010

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2010 adalah seperti berikut:

- Karnival sukan CIAST 2010 telah di adakan pada 13 hingga 14 Mac 2010. Seramai 40 orang pelajar lelaki bermain futsal di gelanggang futsal CIAST dan seramai 100 orang pelajar lelaki/perempuan bermain bowling di Pusat Bowling Plaza Alam Sentral, Shah Alam.
- Kempen derma darah telah berlangsung pada 10 Ogos 2010 di Dewan Besar CIAST bermula 10 pagi hingga 3 petang dan seramai 75 orang pelajar dan kakitangan CIAST telah menderma darah.
- Pada 3 September 2010, pelajar DLPV dan VTO telah mengadakan majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim Sg. Pinang, Klang Selangor.
- Program derma darah telah diadakan di bilik rehat VIP CIAST pada 30 November 2010.




Sekitar Karnival Sukan Pelajar



Aktiviti menderma darah di Dewan Besar CIAST



Pelajar DLPV dan VTO telah mengadakan majlis berbuka puasa bersama anak-anak yatim Sg. Pinang, Klang Selangor



Aktiviti

KELAB KAKITANGAN CIAST (KKC)

AKTIVITI KELAB

KAKITANGAN CIAST (KKC)

Mesyuarat Agung Tahunan KKC Kali Sembilan

KKC telah mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan Kali Sembilan pada 2 Oktober 2009 di Auditorium CIAST dan disertai oleh seramai 101 ahli. Ahli jawatankuasa KKC yang baru yang telah dilantik secara undian melalui edaran borang dan sokongan melalui ahli di dalam mesyuarat. Sesi penyerahan tugas oleh AJK 2008/2009 kepada 2009/2010 telah diadakan pada 20 Oktober 2010. Berikut adalah senarai AJK KKC tahun 2009/2010.

Bil.	Jawatan	Nama	Program
1	Pengerusi	Muhammad Bin Yusof	PEM
2	Naib Pengerusi	Imalistryahusnanjaya Bin Mat Hussin	PPK
3	Setiausaha	Marsita bt Abdul Kadir	PPL
4	Penolong Setiausaha	Suzana bt Mohd Zohdi	PPL
5	Bendahari	Halim bin Abdullah	PPL
6	Pembantu Khas Bendahari	Rozaida binti Zainon	PPK
7	Biro Ekonomi	Hamimah bt Mamat	KK
8	Biro Penerangan	Roslin bt. Mohd Basri	PPK
9	Biro Sukan	Muhammad Noor Adzam bin Adam	PEM
10	Biro Agama	Mohd Salleh bin Ismail Effendi	KP
11	Biro Sosial dan Rekreasi	Norayana bt Mokthar	KK
12	Biro Kebajikan	Nik Hanizan bin Nik Hassan @ Nik Mat	PPK

Aktiviti Pendaftaran Pelajar

Kelab kakitangan CIAST telah terlibat secara tidak langsung semasa pendaftaran pelajar bagi setiap kemasukan pelajar-pelajar baru oleh program PPK. Peranan KKC adalah sebagai menerima pembayaran yuran, memegang duit aktiviti pelajar dan menguruskan keperluan pelajar seperti jaket, baju rasmi dan lain-lain.



KKC mengurus keperluan pelajar semasa pendaftaran pelajar baru CIAST

Hari Keluarga KKC 2010

Hari Keluarga KKC 2010 telah diadakan dengan jayanya pada 11 Disember 2010 bertempat di Sunway Lagoon, Bandar Sunway dan telah dirasmikan oleh Tn Hj Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST. Hari Keluarga pada kali ini merupakan penyertaan yang teramai dengan kehadiran seramai 294 orang yang terdiri daripada 52 keluarga ahli KKC. Bagi memeriahkan suasana, beberapa acara sukaneka air bagi orang dewasa dan kanak-kanak telah diatur oleh pihak pengurusan Sunway Lagoon. Selain daripada itu cabutan bertuah, teka putik kapas dan *drawing face* turut diadakan. Semua ahli juga berkesempatan menerokai aktiviti bebas di *Water Park*, *Amusement Park* dan *Wild Life Interactive Zoo*.



Sebahagian daripada ahli yang hadir di Hari Keluarga KKC 2010 CIAST



Acara sukaneka bagi kanak-kanak Keluarga KKC



Acara gorila bagi kategori dewasa



Ahli yang memenangi Grand Prize cabutan bertuah

Pertandingan Mereka Cipta Pelekat Kenderaan

Pertandingan mereka cipta pelekat kenderaan CIAST telah diadakan pada 10 Mei hingga 15 Jun 2010. Pertandingan ini terbuka kepada semua ahli KKC bagi mencungkil dan mengasah bakat di kalangan ahli. Hadiah yang disediakan kepada pemenang adalah seperti berikut:

Hadiah Pertama : Wang tunai RM100 dan hamper
Hadiah Kedua : Wang tunai RM70
Hadiah Ketiga : Wang tunai RM50
Saguhati : 5 peserta teratas

Pertandingan ini telah diadili dan dipilih oleh pihak pengurusan atasan yang dipengerusikan oleh Pengarah CIAST dan pemenang tempat pertama ialah Puan Norakma Nawawi dari program PPK. Pelekat kenderaan ini telah dikuatkuasakan penggunaannya kepada semua pegawai dan kakitangan serta pelajar CIAST.



Liga Futsal Piala Pengarah CIAST

Liga Futsal Piala Pengarah telah berlangsung selama tiga hari, bermula dari 21 hingga 23 Jun 2010 di gelanggang futsal CIAST. Sebanyak lima pasukan telah mengambil bahagian antaranya Pasukan KK-PEM, Pasukan PPK, Pasukan KP, Pasukan SPD-PPL dan Pasukan Pemantapan J41 di mana Pasukan KK-PEM telah menjuarai kejohanan ini. Acara ini telah mengeratkan lagi silaturahim antara ahli sambil beriadah selepas waktu pejabat.

Pertandingan Boling Terbuka KKC 2010

Pertandingan Boling telah diadakan pada 7 Ogos 2010 di Pusat Membeli Belah Ole-Ole Seksyen 18, Shah Alam. Kejohanan ini disertai oleh 23 pasukan dengan 92 orang pemain yang terdiri daripada 15 pasukan kakitangan dan lapan pasukan pelajar. Setiap pasukan terdiri daripada empat orang pemain. Di kejohanan ini, Jatuh Pin Terbanyak telah dimenangi oleh En. Zakri bin Ibrahim bagi kategori lelaki dan Pn. Marsita bt. Abd Kadir bagi kategori wanita.



Sekitar pertandingan boling terbuka KKC




Pemenang Jatuhan Pin Terbanyak kategori lelaki dan perempuan

Lain-Lain Aktiviti

- Menyertai Pertandingan Futsal JPK 2010 yang telah diadakan pada 10 Julai 2010 di Kelab Komuniti, Cyberjaya. Pasukan CIAST telah menjadi Juara dalam pertandingan ini.
- Menyertai Kejohanan Sukan ILJTM Zon Tengah 2010 yang telah diadakan selama tiga hari dari 12 hingga 14 November 2010 di Institut Latihan Perindustrian (ILP) Pedas, Negeri Sembilan. CIAST telah menyertai lima acara yang dipertandingkan, iaitu bola sepak padang, badminton, sepak takraw, bola tampar dan tenis. Acara bola sepak telah berjaya menjadi juara manakala badminton dan sepak takraw mendapat tempat ketiga.
- Mengadakan Majlis Sambutan Menyambut Awal Ramadhan pada 2 September 2010 di Surau CIAST. Seramai 50 orang telah hadir bagi menjayakan acara ini.
- Mengadakan Majlis Berbuka Puasa dan Solat Terawih Berjemaah pada 2 September 2010 di concourse dan surau CIAST. Seramai 350 orang telah dijemput untuk menghadiri majlis ini bagi mengeratkan hubungan silaturahim di kalangan warga CIAST di samping menjalani ibadah puasa.
- Mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2010 pada 8 Oktober 2010 bertempat di Ruang Legar Bangunan Pentadbiran CIAST. Sambutan dimeriahkan dengan ahli-ahli dan warga CIAST berpakaian hari raya sambil menikmati juadah raya.
- Mengadakan lawatan ke Rumah Anak Yatim Hj. Sirat Jalan Kapar, Kelang pada 03 Sept 2010. Lawatan ini aktiviti kebajikan yang merupakan anjuran bersama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) CIAST. Antara aktiviti utama adalah mengadakan program gotong royong di rumah anak yatim tersebut.





Diari

2010

DIARI 2010

7 Januari

Pendaftaran Pelajar Baru Sijil Pengajar Vokasional VTO Sesi 1/2010, seramai 78 orang pelajar mendaftar daripada 100 orang yang ditawarkan.



24 – 25 Februari

Seramai 17 orang kakitangan CIAST dan Ibu Pejabat JPK telah menyertai Kursus Tatacara Pembangunan Soalan yang telah diadakan di Bilik Kuliah Automotif CIAST anjuran Program KK.



8 – 12 Mac

Pertandingan MySkills Pra-kelayakan telah diadakan di CIAST bagi 2 bidang, iaitu ITPC Network dan Mekatronik.

11 Mac

Karnival Sukan antara pelajar VTO siri 1/2010 dan MIT Academy di Stadium Sukan Matsushita, Shah Alam dan seramai 78 orang pelajar VTO dan 70 orang pelajar MIT Academy menyertainya.

30 Mac

Lawatan Penandaan (Bench-Marking) Bengkel Kursus Teknikal oleh Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPSM), Kementerian Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah yang disertai oleh 3 pegawai JPSM. Lawatan ini merupakan perancangan untuk menaiktaraf kursus-kursus teknikal JPSM ke peringkat SKM Tahap 3 dan 4 di dalam RMKe-10. Ia bertujuan untuk menandaaraskan latihan vokasional dengan melihat peralatan, susun atur bengkel dan persediaan kursus teknikal yang dilaksanakan di CIAST termasuk kursus-kursus di peringkat antarabangsa.

26 April – 7 Mei

Kursus Effective Multimedia Development (EMD) siri 1 telah diadakan di CIAST dan dihadiri oleh seramai 8 orang peserta.

16 – 19 Mei

Pertandingan MySkills Akhir telah diadakan di CIAST bagi 9 bidang, iaitu *ITPC Network, Mekatronik, Automobile Technology, Industrial Electronic, Electrical Installation, Batik, Software Application, Web design, Welding* dan *Graphic Design*.



22 – 24 Mei

Pertandingan MySkills ASEAN telah diadakan di CIAST bagi 6 bidang, iaitu ITPC Network, Automobile Technology, Industrial Electronic, Electrical Installation, Web Design dan Welding.



27 Mei

Seramai 12 pegawai Kerajaan Bangladesh telah mengadakan Lawatan Sambil Belajar ke CIAST dengan diiringi oleh pegawai dari Professional Services Development Corporation Sdn Bhd (PSDC). Tujuan utama lawatan ini adalah untuk bertukar dan berkongsi maklumat dengan melihat dengan lebih dekat pelaksanaan latihan vokasional di agensi kerajaan yang terpilih di Malaysia. Selain daripada itu ianya juga bagi mencari peluang kerjasama diantara dua negara di masa hadapan.

30 Mei - 5 Jun

Lawatan Kerja ke Phnom Pehn, Cambodia di bawah Third Country Training Programme (TCTP) on Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET). Seramai 2 pegawai CIAST, iaitu Tn. Hj Omar Jusoh, Timbalan Pengarah Perancangan & Pembangunan dan Pn. Suzana Mohammed Zohdi, Ketua Penyelaras Program Latihan Antarabangsa telah mengikuti lawatan ini yang turut dihadiri oleh En. Loh Seck Tiong, Ketua Penolong Setiausaha Kementerian Luar Negeri dan 2 pegawai JICA Malaysia.



1 – 3 Jun

Program KK telah menganjurkan Kursus Penulisan Ilmiah di bilik VTRD CIAST yang dihadiri oleh 38 orang pegawai daripada JTM, JPK dan CIAST bertujuan untuk membuka minda pengajar dalam menghasilkan bahan penulisan mahupun buku yang berkualiti.

21 Jun

CIAST telah menyertai Pertandingan ROBOCON 2010 yang telah diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor dan mendapat tempat saguhati.

2 – 3 Julai

Syarikat Panasonic (M) Sdn. Bhd. dengan kerjasama CIAST telah menganjurkan Pertandingan Kemahiran Panasonic di CIAST. Sebanyak 9 bidang kemahiran dipertandingkan dengan penyertaan seramai 173 peserta Syarikat Panasonic seluruh Malaysia.

7 Julai

Pendaftaran Pelajar Baru Sijil Pengajar Vokasional VTO sesi kemasukan 3/2010 seramai 87 orang.

8 - 10 Julai

Seramai 87 orang pelajar VTO telah menjalani program minggu suai kenal. Antara aktiviti yang telah di jalankan ialah ceramah motivasi, ceramah bimbingan kerjaya, e-JPK dan juga aktiviti latihan dalam kumpulan (LDK).



26 – 27 Julai

CIAST telah menyertai Pertandingan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK) Peringkat Negeri Selangor melalui kumpulan INFOTECH dan G8. Pertandingan telah diadakan di Dewan Auditorium Jubli Perak, Bangunan SUK Negeri Selangor dan mendapat tempat saguhati.

2 - 4 Ogos

Kursus ASEAN-JAPAN Human Resources Development (HRD) Collaboration Programme for CLMV Countries telah dilaksanakan dengan penyertaan seramai 11 orang yang terdiri daripada 2 peserta dari setiap negara CLMV (Cambodia, Laos, Myanmar dan Vietnam), 2 pemerhati dari Jepun dan seorang pemerhati dari Malaysia.



2 Ogos

Majlis Perasmian kursus ASEAN-JAPAN Human Resources Development (HRD) Collaboration Programme for CLMV Countries telah disempurnakan oleh Y. Bhg. Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK. Turut hadir Pengarah CIAST, Wakil Kedutaan Jepun serta Pegawai Kanan KSM, JPK dan CIAST.



2 – 5 Ogos

Temuduga Pelajar bagi kemasukan Oktober 2010 bagi program kursus DLPV, SKM3+VTO dan VTO yang telah diadakan di CIAST dan juga di semua JPK Wilayah mengikut zon.



3 Ogos 2010

- Kunjungan hormat Y.Bhg. Dato' R. Segarajah, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia oleh peserta kursus ASEAN-JAPAN Human Resources Development (HRD) Collaboration Programme for CLMV Countries.
- Seminar Pengajar Pusat Bertauliah JPK telah diadakan di Auditorium CIAST bertemakan "Memperkasakan Pengajar Kemahiran Malaysia". Seminar telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' R. Segarajah, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.



4 Ogos 2010

Majlis Penutup Kursus *ASEAN-JAPAN Human Resources Development (HRD) Collaboration Programme for CLMV Countries* pula telah disempurnakan oleh Pengarah CIIAST, Tuan Haji Ghazlan Ghazali dengan dihadiri oleh Pegawai Kanan CIIAST di Hotel De Palma, Shah Alam.



16 – 17 Ogos

Audit Surveillances oleh Lloyd's Register Quality Assurance (LRQA) telah mengesahkan dokumen MS ISO 9001:2008 boleh digunakan bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) CIIAST.

18 Ogos

Majlis berbuka puasa pelajar VTO siri 3/2010 anjuran PPK yang telah diadakan di Masjid Al-Huda Seksyen 19, Shah Alam.

3 September

Lawatan Sambil Belajar daripada pelajar dan pensyarah Hokkaido University of Education Japan (Hakodate Campus), adalah bertujuan untuk melihat sistem pembelajaran di Malaysia selain melihat pelaksanaan 'Expert Attachment' dari JICA di CIIAST.



24 September

Lawatan daripada Professor Dr. Yuri Sadoi dari Meijo University Japan, Assoc Prof. Dr. Yoshi Takahashi dari Hiroshima University, Assoc Prof. Dr. Motohiro Kurokawa dari Tasaki University (UNITO Thailand) dan 2 pegawai iringan dari Meijo University. Tujuan lawatan adalah untuk mendapatkan maklumat untuk penyelidikan MAJAICO dengan meninjau pelaksanaan Latihan Pengajar Kemahiran dan kemudahan latihan yang disediakan oleh CIIAST.

28 September

Seminar *Initiative Broadband* anjuran Program PEM telah diadakan di Auditorium CIIAST. Seminar ini telah dihadiri 262 peserta dari Institusi Latihan Kemahiran Awam dan Swasta, badan-badan kerajaan dan industri berkaitan.



11 Oktober

- Majlis Perasmian kursus *Capacity Development for Technical Vocational Education and Training (TVET) for Cambodia* telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Maznah Mazlan, Timbalan Menteri Sumber Manusia di Grand BlueWave Hotel Shah Alam. Majlis ini turut dihadiri oleh Y.Bhg. Encik Tsutomu NAGAE, *Chief Representative JICA Malaysia*, Ketua-Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Sumber Manusia.
- Pendaftaran pelajar baru bagi kursus DLPV, SKM3 + VTO dan VTO kemasukan Oktober.

12 Oktober

Majlis Perasmian MTCP 2010 secara sederhana telah disempurnakan oleh Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali, Pengarah CIAST.



12 - 29 Oktober

2 kursus di bawah Malaysian Technical Cooperation Programme (MTCP), iaitu Vocational Training Management (VTM) dan Effective Multimedia Development for Trainers (EMD) telah diadakan selama 3 minggu. Seramai 26 peserta dari 10 negara, iaitu Bangladesh, Cambodia, Indonesia, Lao PDR, Nigeria, Filipina, Thailand, Uganda, Uzbekistan dan Vietnam telah mengikuti kursus ini.



13 Oktober

Lawatan Sambil Belajar delegasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Sri Lanka telah dihadiri oleh seramai 11 orang peserta di mana lawatan ini diiringi oleh pegawai German-Malaysian Institute (GMI). Lawatan adalah bertujuan untuk memahami polisi, strategi dan aspek operasi dalam pelbagai sistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional pada peringkat nasional, wilayah dan institut.

14 Oktober

Persidangan CEO Pusat Bertauliah JPK telah diadakan di Auditorium CIAST dan dirasmikan oleh Y.Bhg. Dato' R. Segarajah, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia.

14 – 17 Oktober

CIAST telah menjadi tuan rumah penganjuran 9 bidang kemahiran bagi Pertandingan Kemahiran Malaysia Ke 19. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B. Timbalan Menteri Sumber Manusia.



15 – 17 Oktober

Jawatankuasa Promosi CIAST telah mengadakan promosi sempena Pertandingan Kemahiran Malaysia (PKM) yang telah diadakan di CIAST.

16 – 17 Oktober

Majlis Konvokesyen bagi pelajar lepasan DPV sesi 2/2006, 1/2007, DLPV sesi 1/2008, sesi 2/2008, VTO sesi 1/2009, sesi 2/2009, 3/2009 dan sesi 4/2009 telah diadakan di Auditorium CIAST.



19 Oktober

Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri telah diadakan di Putrajaya International Convention Centre (PICC) dan perasmian telah disempurnakan oleh Y.B. Datuk Dr. S. Subramanian, Menteri Sumber Manusia.



29 Oktober

Majlis Penutup dan Penyerahan Sijil MTCP telah diadakan di Carlton Holiday Hotel, Shah Alam yang disempurnakan oleh Y. Bhg. Dr. Pang Chau Leong, Ketua Pengarah JPK seterusnya menyempurnakan majlis tersebut.

29 Oktober – 9 Disember

Satu program latihan CISCO Model – Train the Trainer (Fasa 1) yang melibatkan 9 tenaga pengajar CIIAST telah diadakan di UiTM Shah Alam dan UniKL, Kuala Lumpur.

1 November

CIIAST telah menerima kunjungan 40 pelajar dari Sekolah Menengah Taman Tuanku Ja'afar, Sg. Gadut, Negeri Sembilan. En. Mohd. Noor bin Menhad dari Program PPK telah memberi taklimat berkaitan bidang teknikal di CIIAST.

9 November

CIIAST telah menerima kunjungan 42 pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Kelang Utama, Kelang. En. Faherinizam bin Russali, setiausaha Jawatankuasa Promosi CIIAST telah memberi taklimat berkaitan dengan organisasi dan program yang dijalankan di CIIAST.

13 – 14 November

Jawatankuasa Promosi CIIAST telah mengadakan promosi Pameran Inovasi bagi memeriahkan lagi Program Karnival Malaysia Inovatif 2010 Zon Tengah di MITC, Melaka. Seramai 4 orang ahli jawatankuasa inovasi melibatkan diri.

19 – 22 November

2 peserta CIIAST telah mewakili Malaysia dalam Pertandingan Kemahiran ASEAN kali ke-8 yang telah diadakan di Bangkok, Thailand dan telah memenangi pingat gangsa dalam bidang mekatronik.



20 – 23 November

Jawatankuasa Promosi CIIAST telah mengadakan promosi sempena Majlis Konvokesyen ILJTM bertempat di Tamadun Islam Kuala Terengganu, Kuala Terengganu bertemakan Inovasi, Kreativiti dan Robotik. Seramai 5 orang ahli terlibat menjayakan promosi ini dengan bantuan dari Jawatankuasa Inovasi CIIAST.

24 – 26 November

Jawatankuasa Promosi CIIAST telah mengadakan promosi sempena Festival Malaysia Inovatif 2010 bertempat di Kompleks Sukan Bukit Jalil di bawah penganjuran Kementerian Sumber Manusia. Majlis penutupan festival telah disempurnakan oleh Y.A.B. Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia.

30 November

Program Derma Darah anjuran bersama PPK-CIAST dan juga Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang telah diadakan di Dewan Besar CIAST. Seramai 100 orang pelajar dan kakitangan CIAST telah turut serta.



3 Disember

Satu lawatan knowledge sharing ke JKR, KL telah diadakan yang diketuai oleh Pn. Ruzaidah bt. Mansur dari Program PEM, CIAST. Tujuan lawatan diadakan adalah bagi berkongsi pengetahuan mengenai Sistem Pengurusan Senggaraan yang hampir sama dengan sistem eBajet di mana Program PEM sedang dalam proses membangunkan Sistem Semakan Waran Peruntukan (SSWP).

11 Disember

Kelab Kakitangan CIAST (KKC) telah mengadakan Hari Keluarga KKC Tahun 2010 di Sunway Lagoon, Bandar Sunway dan dihadiri oleh 294 orang yang terdiri daripada 52 keluarga ahli KKC.



21 Disember

Pegawai dan Kakitangan Program Kelayakan Kekompetenan telah diberi latihan penggunaan ID Card-Printer yang bertujuan untuk memberi pendedahan dan kemahiran kepada kakitangan unit pelesenan untuk mencetak Lesen Kelayakan Kekompetenan pemohon dengan sendiri.

22 – 24 Disember

Bengkel Malaysian Board of Technologist (MBOT) telah diadakan di Bilik Mesyuarat Gemilang CIAST bagi membincangkan penubuhan MBOT. Tujuan penubuhan MBOT adalah untuk memperkasakan profesion teknologis (teknologi dan kemahiran) sebagai satu kerjaya profesional di samping menyumbang kepada tenaga kerja mahir yang diperlukan oleh negara. Dalam RMKe-10, kerajaan telah mengenal pasti keperluan menubuhkan MBOT yang merupakan satu lembaga bagi memberi pengiktirafan sijil berkaitan teknologi dan kemahiran.



AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN CIAST



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

Tn. Hj. Ghazlan bin Ghazali

Pengarah CIAST

KETUA EDITOR

Pn. Hamimah bt. Mamat

Program Kelayakan Kekompetenan

PENOLONG KETUA EDITOR / PENYELARAS LAPORAN

Pn. Rozita bt. Ismail

Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

AHLI JAWATANKUASA PENERBITAN

En. Zamri bin Naw

Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

En. Zahrin bin Abdul Latif

Program Perancangan dan Pembangunan Latihan

En. Mohd. Noor bin Menhad

Program Pembangunan Pengajar Kemahiran

Cik Haniza bt. Mohd. Ghazali

Program Pembangunan Pengajar Kemahiran

En. Loh Hong Wai

Program Pembangunan Profesional Kemahiran

Pn. Nor Azian bt. Ahmad

Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia

Pn. Rabia bt. Saamir

Program Kelayakan Kekompetenan

Pn. Asiah bt. Sulaiman

Bahagian Khidmat Pengurusan

En. Gaafar bin Musar

Jurugambar

Program Pembelajaran Elektronik dan Multimedia